PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU PERTAMA 2008

TINJAUAN KESELURUHAN

Pertumbuhan kukuh KDNK didorong oleh perbelanjaan penggunaan dan permintaan luaran yang teguh

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 7.1% pada suku pertama 2008. Momentum pertumbuhan didorong oleh pengembangan dua angka dalam perbelanjaan penggunaan swasta dan awam, sementara aktiviti pelaburan terus berdaya tahan. Pertumbuhan suku ini juga disokong oleh sumbangan yang lebih besar daripada permintaan luaran berikutan pertumbuhan eksport yang lebih teguh. Import, sebaliknya adalah lebih sederhana pada suku ini.

Pertumbuhan kukuh pada suku pertama 2008 (pada harga malar tahun 2000)



Dari segi penawaran, pertumbuhan adalah menyeluruh dengan kesemua sektor ekonomi mencatat pertumbuhan yang teguh. Sektor perkilangan meningkat 6.9%, mencerminkan pertumbuhan lebih tinggi bagi industri berorientasikan eksport dan dalam negeri. Permintaan dalam negeri yang kukuh dan juga permintaan daripada rantau ini terhadap keluaran berasaskan sumber, khususnya keluaran petroleum dan kimia, menjana pengembangan yang lebih nyata dalam sektor perkilangan. Dalam sektor keluaran elektronik dan elektrik (E&E), segmen komputer dan komponen mencatat prestasi yang teguh (17.4%), didorong terutamanya oleh permintaan daripada pasaran selain pasaran Amerika Syarikat (AS), khususnya Eropah dan rantau Asia. Walau bagaimanapun, pengeluaran produk separa konduktor berkembang pada kadar yang lebih perlahan (0.3%) disebabkan oleh permintaan global yang lebih rendah.

Sektor perkhidmatan meningkat 8% dan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan. Aktiviti penggunaan yang teguh menyumbang kepada kenaikan dalam pertumbuhan subsektor perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran, kewangan dan insurans, dan juga subsektor pengangkutan dan penyimpanan.

Sektor komoditi utama mencatat prestasi lebih kukuh hasil daripada pertumbuhan 6.3% bagi sektor pertanian dan 3.7% bagi sektor perlombongan. Pertumbuhan sektor pertanian yang teguh didorong oleh pengeluaran minyak sawit mentah yang lebih tinggi, sementara pertumbuhan lebih kukuh sektor perlombongan adalah hasil daripada peningkatan pengeluaran minyak mentah berikutan pertambahan keluaran daripada telaga minyak Kikeh. Sektor pembinaan terus mengekalkan momentum pertumbuhannya, disokong terutamanya oleh projek infrastruktur berkaitan dengan sektor minyak dan gas serta Rancangan Malaysia Kesembilan.

Permintaan dalam negeri meningkat pada kadar lebih tinggi sebanyak 10.1% pada suku pertama 2008 (S4 2007: 9.1%). Perbelanjaan penggunaan swasta bertambah 11.8% disokong oleh pendapatan boleh guna yang terus meningkat, prestasi eksport yang memberangsangkan dan keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan. Penggunaan awam juga meningkat 10.5% ekoran perbelanjaan yang lebih tinggi terhadap emolumen, pertahanan, bekalan dan perkhidmatan.

Pembentukan modal tetap kasar meningkat lebih sederhana pada kadar 6%. Penunjuk pelaburan utama seperti pertumbuhan jualan kenderaan perdagangan, pinjaman yang dikeluarkan kepada sektor perniagaan, dan import barangan modal menunjukkan perbelanjaan modal yang kukuh khususnya dalam sektor pembinaan dan perkilangan. Ini disokong selanjutnya oleh aliran masuk pelaburan langsung asing yang mapan ke dalam industri perkilangan dan juga minyak dan gas. Perbelanjaan pembangunan Kerajaan juga berterusan, dengan tumpuan terus diberikan pada penyediaan perkhidmatan asas seperti pembangunan pertanian dan luar bandar, penambahbaikan kemudahan awam dan infrastruktur pengangkutan, serta penyediaan perumahan, pendidikan dan perkhidmatan kesihatan.

Kadar inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan dalam Indeks Harga Pengguna meningkat kepada 2.6% pada suku pertama 2008 (S4 2007: 2.2%). Ini disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga dalam kategori makanan dan minuman tidak beralkohol, dan sebahagian kecilnya oleh kenaikan harga dalam kategori restoran dan hotel; dan kategori pelbagai barangan dan perkhidmatan. Pada bulan April, inflasi terus meningkat kepada 3.0%.

Dalam sektor luaran, akaun perdagangan mencatat lebihan sebanyak RM26.8 bilion pada suku pertama 2008 (S4 2007: RM28.4 bilion). Eksport kasar pada suku ini meningkat 9.8%, iaitu kadar terpantas sejak suku ketiga 2006, terutamanya hasil daripada pertumbuhan kukuh eksport komoditi. Eksport pertanian mencatat prestasi yang amat baik didorong oleh kenaikan harga dan permintaan global terhadap minyak sawit mentah dan getah. Eksport minyak mentah dan gas asli cecair juga meningkat dengan nyata. Sebaliknya, prestasi eksport perkilangan lebih sederhana dan meningkat 0.8% sahaja memandangkan pertumbuhan teguh eksport berasaskan sumber diimbangi oleh penguncupan eksport E&E.

Import kasar berkembang pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 6.7%, terutamanya kerana import barangan pengantara yang lebih rendah (8.7%), khususnya input untuk industri E&E. Import barangan modal (tidak termasuk barangan besar) meningkat 12.8% sejajar dengan aktiviti sektor perlombongan dan pembinaan yang kukuh. Import jentera dan peralatan pejabat terus kukuh berikutan aktiviti pelaburan yang mampan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Peningkatan permintaan bermusim semasa musim perayaan dan juga sentimen pengguna yang positif mendorong pengimportan barangan penggunaan yang lebih tinggi (6%), khususnya makanan dan minuman, kelengkapan pengangkutan dan juga barangan pengguna tahan lama dan separuh tahan lama.

Bagi akaun kewangan, aliran masuk kasar pelaburan langsung asing (*foreign direct investment*, FDI) pada asas pembayaran tunai berjumlah RM6.8 bilion pada suku pertama (S4 2007: RM12.9 bilion). Kira-kira separuh daripada aliran masuk FDI disalurkan kepada sektor perkhidmatan, diikuti oleh sektor minyak dan gas, serta sektor perkilangan. Selepas pelarasan bagi aliran keluar kasar yang terutamanya disebabkan oleh pembayaran balik pinjaman jangka pendek, aliran masuk bersih FDI berjumlah RM1.7 bilion (S4 2007: RM3.4 bilion). Pelaburan luar negeri oleh syarikat Malaysia mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM4.9 bilion (S4 2007: -RM4.8 bilion). Sementara itu, pelaburan portfolio mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM1.5 bilion (S4 2007: RM4.7 bilion). Aliran masuk dana asing yang lebih tinggi untuk pelaburan sekuriti hutang lebih daripada mengimbangi aliran keluar yang disebabkan oleh penebusan bersih sekuriti ekuiti oleh pelabur asing.

Berkuat kuasa pada awal 2008, data hutang luar negeri Malaysia telah ditakrifkan semula untuk mengambil kira entiti di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan International Business and Financial Centre, Labuan IBFC) sebagai pemastautin. Berdasarkan takrifan baharu ini, pendedahan hutang entiti luar pesisir ini dengan negara lain di dunia akan diambil kira sebagai hutang luar negeri Malaysia, manakala pendedahan hutang pemastautin dengan entiti luar

pesisir di Labuan IBFC tidak diambil kira. Ini bertujuan menghasilkan penilaian risiko yang lebih mantap bagi negara dan juga supaya ia selaras dengan piawai dan amalan terbaik antarabangsa berhubung dengan klasifikasi entiti luar pesisir dalam pengumpulan data luaran. Berdasarkan takrifan baharu ini, hutang luar negeri Malaysia berjumlah RM211.2 bilion (atau USD63.1 bilion) pada akhir 2007, atau bersamaan dengan 33.6% daripada Pendapatan Negara Kasar (PNK) berbanding dengan jumlah sebanyak RM187.4 bilion (USD56 bilion) atau 29.9% daripada PNK di bawah takrifan lama. Profil hutang luar negeri terus menjurus kepada struktur kematangan yang lebih panjang. Pada akhir bulan Mac 2008, hutang luar negeri Malaysia berjumlah RM212.8 bilion (atau USD65.9 bilion), bersamaan dengan 31.1% daripada PNK. Peningkatan sederhana dalam hutang jangka pendek yang disebabkan terutamanya oleh peminjaman antara bank, khususnya oleh entiti kewangan luar pesisir di Labuan IBFC, diimbangi oleh hutang jangka sederhana dan panjang yang lebih rendah disebabkan oleh keuntungan penilaian semula pertukaran asing dan pembayaran balik bersih oleh Kerajaan Persekutuan.

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM384.7 bilion (bersamaan dengan USD120.3 bilion) pada 31 Mac 2008. Rizab meningkat kepada RM399.9 bilion (bersamaan dengan USD125.1 bilion) pada 15 Mei 2008. Kedudukan rizab ini memadai untuk membiayai 9.9 bulan import tertangguh dan ialah 5 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Dasar monetari terus menyokong aktiviti ekonomi

Kadar Dasar Semalaman (*Overnight Policy Rate*, OPR) dikekalkan pada 3.50% pada suku pertama 2008 kerana paras semasa kadar dasar ini sejajar dengan prospek pertumbuhan ekonomi dan inflasi.

Pada masa yang sama, kadar antara bank bagi kesemua tempoh matang secara relatif stabil pada suku ini. Berhubung dengan kadar pinjaman, kadar pinjaman asas (*base lending rate*, BLR) purata tidak berubah pada suku ini, manakala kadar pinjaman purata (*average lending rate*, ALR) menurun sedikit kepada 6.21% pada akhir bulan Mac. Kadar deposit pula secara relatif tidak berubah.

Meskipun ketidakpastian pasaran kewangan global berterusan lantas mengakibatkan ketidaktentuan dalam pasaran kewangan domestik, keadaan kredit domestik terus menggalakkan pada suku itu. Permintaan terhadap pembiayaan terus disokong oleh mudah tunai sistem kewangan domestik yang lebih daripada mencukupi. Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (*private debt securities*, PDS) terkumpul berkembang pada kadar yang lebih pesat, iaitu 12.7% pada akhir bulan Mac. Pinjaman terkumpul meningkat dengan nyata sebanyak 10% pada akhir bulan Mac disebabkan pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan dan sektor isi rumah berkembang pada kadar tahunan yang lebih tinggi, masing-masing pada 11.6% dan 8%. Pada asas tahunan, permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman bagi sektor perniagaan dan sektor isi rumah adalah lebih tinggi.

Dalam pasaran modal, dana bersih yang diperoleh pada suku pertama meningkat dengan nyata dan berjumlah RM12.4 bilion. Sektor awam memperoleh dana bersih yang lebih tinggi sebanyak RM10.6 bilion, manakala dana bersih yang diperoleh menerusi pasaran PDS berjumlah RM700 juta. Dana yang diperoleh melalui pasaran ekuiti berjumlah RM1.1 bilion.

Wang secara luas atau M3 berkembang dengan ketara sebanyak RM51.6 bilion atau pertumbuhan tahunan 12.1% pada akhir suku pertama. Peningkatan ini mencerminkan terutamanya aliran masuk bersih yang berpunca daripada perdagangan, pelaburan langsung asing dan pelaburan portfolio. Pengembangan M3 juga disokong oleh peningkatan pemberian pinjaman kepada sektor swasta, dan sebahagian kecilnya oleh operasi pengembangan Kerajaan.

Ringgit mengalami pergerakan dua hala yang lebih besar pada suku pertama, mencerminkan aliran portfolio yang turun naik ekoran reaksi para pelabur terhadap berita berkaitan dengan kegawatan pasaran kewangan antarabangsa dan penilaian semula kedudukan mereka berikutan kebimbangan bahawa kelembapan ekonomi AS akan memberikan kesan limpahan terhadap rantau ini. Walau bagaimanapun, trend menaik ringgit dan juga mata wang serantau lain berbanding dengan dolar AS pada tempoh ini disokong oleh sentimen positif para pelabur terhadap rantau Asia, dan juga kelemahan dolar AS yang berpunca daripada asas-asas ekonomi AS yang semakin merosot. Secara keseluruhan, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS, tetapi mencatat prestasi yang bercampur-campur berbanding dengan mata wang utama lain dan juga mata wang serantau. Pada tempoh 1 April hingga 27 Mei, ringgit menambah nilai berbanding dengan yen Jepun tetapi menyusut nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang utama lain. Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan beberapa mata wang serantau, namun menyusut nilai berbanding dengan mata wang serantau yang lain.

Sistem perbankan terus memperlihatkan daya tahan yang tinggi

Sektor perbankan terus berdaya tahan tinggi pada suku pertama 2008. Permodalan sistem perbankan terus teguh dengan nisbah modal wajaran risiko (*risk-weighted capital ratio*, RWCR) pada 13.2% dan nisbah modal teras (*core capital ratio*, CCR) pada 10.2% pada akhir bulan Mac 2008. Keuntungan sebelum cukai sistem perbankan yang belum teraudit juga meningkat 7.1% kepada RM5.7 bilion. Sementara itu, paras pinjaman tak berbayar (*non-performing loans*, NPL) sistem perbankan terus bertambah baik dengan jumlah NPL bersih berdasarkan klasifikasi tiga bulan terus menurun sebanyak 5.2% kepada RM19 bilion pada akhir suku pertama. Jumlah ini mencakupi 3% daripada jumlah pinjaman bersih. Pada akhir bulan April 2008, nisbah NPL bersih menurun lagi kepada 2.9% disebabkan oleh pembayaran balik dan kutipan semula pinjaman yang berterusan.

Pertumbuhan dijangka terus mapan pada separuh kedua tahun 2008

Ketidaktentuan yang berterusan dalam persekitaran ekonomi global dijangka menyebabkan prestasi pertumbuhan global terus bercampur-campur. Sementara pertumbuhan ekonomi perindustrian dijangka sederhana, pertumbuhan di rantau Asia pula diunjurkan terus mampan. Melangkah ke hadapan, pertumbuhan global secara keseluruhan dijangka lebih sederhana. Dalam persekitaran ini, ekonomi Malaysia dijangka terus berdaya tahan, disokong oleh pertumbuhan permintaan dalam negeri yang mampan dan diperkukuh oleh peningkatan dalam perdagangan intrarantau. Meskipun kebimbangan terhadap inflasi kian meningkat, kegiatan penggunaan dijangka terus disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan dan harga komoditi yang tinggi. Penunjuk pelaburan utama, termasuk import barangan modal, pinjaman kepada sektor perniagaan dan kelulusan pelaburan perkilangan serta aliran masuk pelaburan langsung asing, menunjukkan kegiatan pelaburan swasta akan berterusan. Selain itu, keadaan kredit domestik terus menyokong aktiviti penggunaan dan pelaburan. Penunjuk jangka masa terdekat dan indeks pelopor enam bulan terlicin Jabatan Perangkaan Malaysia yang terkini menunjukkan asas-asas kekukuhan ekonomi Malaysia pada separuh kedua tahun 2008.

PERKEMBANGAN SUKU PERTAMA 2008

KEADAAN EKONOMI ANTARABANGSA

Pertumbuhan di kebanyakan rantau utama mampan meskipun pertumbuhan AS lembap

Prestasi pertumbuhan global pada suku pertama 2008 adalah bercampur-campur dalam keadaan pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat (AS) yang lembap. Pertumbuhan di kawasan euro dan Jepun adalah kukuh, sementara momentum pertumbuhan di rantau Asia pula terus mampan. Di **AS**, anggaran awal suku pertama menunjukkan bahawa pertumbuhan KDNK benar merosot kepada 0.6% (S4 2007: 0.6%) dengan pertumbuhan disokong sebahagian besarnya oleh pertambahan inventori yang menyumbangkan 0.8 mata peratusan kepada pertumbuhan. Penggunaan meningkat sedikit sahaja, sebanyak 1% (S4 2007: 2.3%), dengan perbelanjaan perkhidmatan mengimbangi penurunan perbelanjaan barangan. Eksport bersih terus menyokong pertumbuhan. Sementara itu, pelaburan perumahan merosot bagi sembilan suku berturut-turut, manakala pelaburan perniagaan menurun berikutan perbelanjaan yang lebih rendah untuk struktur bukan kediaman, peralatan dan perisian. Dari segi inflasi, kenaikan harga sebanyak 4.2% pada suku ini (S4 2007: 4.0%), iaitu yang tertinggi sejak suku kedua 1991, disebabkan oleh harga tenaga dan makanan yang lebih tinggi.

Di **Jepun**, KDNK benar suku pertama berkembang 3.3% pada asas tahunan (S4 2007: 2.6%), dipacu oleh eksport bersih yang mendapat manfaat daripada peningkatan kukuh eksport ke Asia dan pasaran sedang pesat membangun. Dari segi inflasi, harga meningkat 1% (S4 2007: 0.5%), dengan harga teras bertukar positif buat kali pertama dalam tempoh hampir 10 tahun. Ini disebabkan oleh kenaikan harga keluaran berkaitan tenaga dan makanan.

Pertumbuhan lebih baik daripada jangkaan, sebanyak 2.2% dicatat dalam **kawasan euro** pada suku pertama. Daya tahan rantau ini dijana terutamanya oleh pertumbuhan lebih kukuh di Jerman dan pemulihan di Perancis. Jerman berkembang 2.6% (S4 2007: 1.8%), disebabkan oleh pelaburan dan perbelanjaan pengguna, manakala pertumbuhan di Perancis pula disokong oleh pemulihan eksport. Pertumbuhan di kedua-dua negara utama ini mengimbangi pertumbuhan lebih perlahan di Sepanyol (2.7%) dan negara lebih kecil lain di kawasan euro. Sementara itu, pertumbuhan

Negara Perindustrian: Pertumbuhan KDNK Benar

	2007			2008	Faktor penyumbang utama pertumbuhan pada S1
	S1	S4	Tahun	S1	
	Perubahan tahunan (%)				
AS[1]	0.6	0.6	2.2	0.6[a]	Disokong oleh pertumbuhan sederhana dalam penggunaan dan perbelanjaan kerajaan, pertambahan inventori dan sumbangan positif daripada eksport bersih, sementara pelaburan perumahan dan perniagaan menurun.
UK	3.1	2.9	3.1	2.5	Perkembangan yang lebih perlahan dalam sektor perkhidmatan terutamanya perkhidmatan perniagaan dan kewangan.
Kawasan euro	3.2	2.2	2.7	2.2[a]	Disokong oleh pertumbuhan yang kukuh di Jerman dan pemulihan di Perancis.
Jepun[1]	4.6	2.6[d]	2.1	3.3[p]	Disokong oleh eksport dan penggunaan swasta.

[1] Berasaskan kadar tahunan *(annualised)*
[a] Anggaran awal
[d] Disemak
[p] Awalan

Sumber: Pihak berkuasa negara

ekonomi **United Kingdom** (UK) pada suku pertama menjadi perlahan sehingga mencecah kadar terendahnya dalam tempoh tiga tahun. Ini disebabkan oleh sektor perkhidmatan yang lebih lemah, terutamanya kerana pertumbuhan perkhidmatan perniagaan dan aktiviti kewangan yang sederhana. Aktiviti pengeluaran perindustrian dan pembinaan juga jelas lebih perlahan.

Di **AS, Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan** (Federal Open Market Committee, FOMC) menurunkan kadar faedah dengan agresif berikutan kebimbangan mengenai pertumbuhan yang lemah ekoran kegawatan pasaran kewangan yang berterusan. Pada suku pertama 2008, FOMC menurunkan kadar faedah sebanyak 200 mata asas. Mulai bulan September 2007, iaitu apabila kadar *Fed Funds* mulai lega, sehingga akhir bulan April 2008, kadar faedah diturunkan sebanyak 325 mata asas kepada 2%.

Federal Reserve Board (Fed) juga mengambil beberapa langkah untuk menangani tekanan mudah tunai pasaran sejak tahun 2007. Antara langkah tersebut termasuklah pengembangan Kemudahan Lelong Bertempoh (Term Auction Facility, TAF), penambahan pilihan swap mata wang dengan European Central Bank dan Swiss National Bank serta pewujudan kemudahan baharu (Term Securities Lending Facility dan Primary Dealer Credit Facility) supaya peniaga utama mempunyai akses kepada dana dan sekuriti yang lebih cair. Fed juga memudahkan pembelian sebuah bank pelaburan AS dengan menyediakan pembiayaan sebanyak USD29 bilion pada kadar diskaun.

Bagi ekonomi perindustrian lain, **Bank of Japan** mengekalkan kadar faedah pada 0.5% meskipun harga pengguna naik beransur-ansur memandangkan keadaan permintaan luaran yang lebih lemah meningkatkan risiko pertumbuhan ekonomi. **European Central Bank** (ECB) terus mengekalkan kadar dasar kerana kebimbangan mengenai inflasi sungguhpun wujud peningkatan risiko kelembapan ekonomi di tengah-tengah kegawatan pasaran kredit. Data inflasi bulan Mac meningkat kepada 3.6%, melebihi satu mata peratusan daripada sasaran 2% oleh ECB. Walau bagaimanapun, **Bank of England** menurunkan kadar faedah sebanyak 25 mata asas pada suku pertama 2008 dan sekali lagi dalam mesyuaratnya pada bulan April ketika wujud tanda-tanda kelembapan ekonomi dan kelemahan sektor kewangan.

Negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar

	2007			2008	Faktor penyumbang utama pertumbuhan pada S1
	S1	S4	Tahun	S1	
	Perubahan tahunan (%)				
R.R. China	11.7	11.2	11.9	10.6	Kegiatan ekonomi terus mampan ekoran pelaburan dalam aset tetap, penjualan runcit dan pengeluaran perindustrian yang lebih tinggi.
Hong Kong SAR	5.5	6.9	6.4	7.1	Didorong oleh pelaburan yang teguh dan eksport yang berdaya tahan.
Singapura	7.0	5.4	7.7	6.7	Dipacu oleh pengeluaran bioperubatan, pembinaan dan perkhidmatan kewangan.
Indonesia	6.0	6.3	6.3	6.3	Disokong oleh pelaburan dan eksport yang kukuh.
Korea	4.0	5.7	5.0	5.7[a]	Disokong terutamanya oleh sektor perkilangan. Prestasi eksport yang berdaya tahan mengurangkan kesan kelembapan permintaan dalam negeri.
Thailand	4.3	5.7	4.8	6.0	Disokong oleh penggunaan swasta dan pelaburan.

[a] Anggaran awal

Sumber: Pihak berkuasa negara

Harga beberapa **komoditi** mencecah paras tertinggi baharu tahun ini disebabkan oleh permintaan yang terus kukuh, kebimbangan mengenai bekalan, dolar AS yang lemah, dan sedikit sebanyak oleh spekulasi dalam pasaran komoditi. Pada suku pertama 2008, harga minyak mentah purata ialah USD98 setong (purata 2007: USD72 setong). Terkini, beras yang merupakan tanaman bijirin makanan kedua terbesar di dunia mencatat paras harga tertinggi yang baharu. Harga beras mencecah beberapa paras tertinggi akibat kebimbangan mengenai kekurangan bekalannya dan dikaitkan dengan kebimbangan sosial serta sekatan eksport oleh beberapa negara pengeluar.

Di **rantau Asia**, pertumbuhan suku pertama terus disokong oleh permintaan dalam negeri dan prestasi eksport yang kukuh. Sungguhpun permintaan dari AS semakin lembap, aktiviti eksport masih mampan berikutan permintaan daripada pasaran lain selain pasaran AS, harga komoditi yang tinggi dan peningkatan perdagangan intrarantau. China terus menerajui pertumbuhan di rantau ini dengan pertumbuhan 10.6% pada suku pertama. Walaupun pertumbuhan ekonomi dapat terus bertahan setakat ini, masih terdapat kebimbangan mengenai inflasi di seluruh Asia, terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga makanan dan tenaga. Ekoran perkembangan ini, kebanyakan bank pusat serantau mengekalkan kadar faedah kerana bimbang akan kelembapan aktiviti ekonomi meskipun wujud tekanan inflasi yang meningkat.

Dalam **pasaran pertukaran asing**, dolar AS mengakhiri suku pertama dengan lebih lemah berbanding dengan mata wang utama. Prestasi dolar dipengaruhi terutamanya oleh jangkaan kelembapan ekonomi AS yang lebih teruk dan penurunan kadar faedah oleh Fed. Walau bagaimanapun, dolar AS mencatat peningkatan bulanan yang pertama pada bulan April tahun ini berbanding dengan euro dan yen memandangkan Fed dilihat menangguhkan sementara langkah dasarnya. Kebanyakan mata wang serantau juga menjadi lebih kukuh pada suku pertama berbanding dengan dolar AS disebabkan oleh aliran masuk berkaitan perdagangan dan portfolio yang terus kukuh.

Melangkah ke hadapan, pertumbuhan global dijangka menjadi sederhana disebabkan oleh kelembapan pertumbuhan ekonomi perindustrian utama dan ketidaktentuan yang berterusan dalam pasaran kewangan global. Kelembapan ekonomi AS yang berterusan masih merupakan risiko bagi pertumbuhan global, sementara aktiviti ekonomi juga boleh terjejas oleh tekanan inflasi yang bertambah akibat kenaikan harga makanan dan tenaga. Walau bagaimanapun, pertumbuhan di rantau Asia dijangka terus disokong oleh permintaan dalam negeri yang kukuh memandangkan jangkaan yang berhati-hati terhadap prestasi eksport. Sementara itu, harga bahan api dan makanan yang tinggi masih menjadi isu kebimbangan di rantau Asia.

PERKEMBANGAN EKONOMI MALAYSIA

Pertumbuhan kukuh KDNK didorong oleh perbelanjaan penggunaan dan permintaan luaran yang teguh

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 7.1% pada suku pertama 2008. Pertumbuhan didorong oleh pengembangan dua angka dalam perbelanjaan penggunaan swasta dan awam, sementara aktiviti pelaburan terus berdaya tahan. Pertumbuhan suku ini juga disokong oleh sumbangan lebih besar daripada permintaan luaran, berikutan pertumbuhan eksport yang lebih teguh. Import sebaliknya menjadi lebih sederhana pada suku ini.

Pertumbuhan adalah menyeluruh dengan kesemua sektor mencatat prestasi kukuh. Sektor perkilangan mencatat pertumbuhan lebih tinggi didorong oleh pengembangan industri berorientasikan dalam negeri dan industri berasaskan sumber. Prestasi lebih kukuh sektor pertanian pula didorong oleh pengembangan

KDNK Suku Tahunan Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga Tahun 2000[1]

	2007			2008
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Pertanian	3.8	4.7	2.2	6.3
Perlombongan	-0.4	3.5	3.3	3.7
Perkilangan	2.0	5.6	3.1	6.9
Pembinaan	4.1	4.7	4.6	5.3
Perkhidmatan	9.4	9.3	9.7	8.0
KDNK Benar (Perubahan Tahunan)	**5.5**	**7.3**	**6.3**	**7.1**
KDNK Benar (Perubahan Berbanding dengan Suku Sebelumnya)	**-1.6**	**0.8**	**6.3**	**-1.8**

[1] KDNK telah ditukar daripada harga asas tahun 1987 ke harga asas tahun 2000

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

dua angka dalam pengeluaran minyak sawit mentah berikutan pemulihan kadar hasil, manakala pertumbuhan sektor perlombongan pula disumbangkan oleh peningkatan pengeluaran minyak mentah. Sementara itu, permintaan dalam negeri dan aktiviti berkaitan kewangan yang kukuh mendorong pertumbuhan sektor perkhidmatan. Sektor pembinaan pula mengekalkan momentum pertumbuhannya, disokong terutamanya oleh aktiviti kejuruteraan awam yang berkaitan dengan sektor minyak dan gas, serta pelaksanaan projek Rancangan Malaysia Kesembilan.

Sektor perkilangan didorong oleh industri berorientasikan dalam negeri dan industri berasaskan sumber

Permintaan dalam negeri yang kukuh dan permintaan terhadap keluaran berasaskan sumber daripada negara serantau menyokong pengembangan lebih pesat **sektor perkilangan** sebanyak 6.9% pada suku pertama (S4 2007: 5.6%).

Dalam **industri berorientasikan eksport**, pertumbuhan sektor elektronik dan elektrik (electronics and electrical, E&E) adalah

Prestasi Sektor Perkilangan

	2007			2008
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Nilai Ditambah (Harga Malar)	**2.0**	**5.6**	**3.1**	**6.9**
Pengeluaran Keseluruhan	**0.7**	**4.9**	**1.9**	**6.4**
Industri berorientasikan eksport	**-0.2**	**3.4**	**0.7**	**4.5**
Antaranya:				
Elektronik dan barangan elektrik	-5.5	5.5	-0.9	2.9
Elektronik	-4.0	10.3	1.5	3.6
Barangan elektrik	-10.3	-9.5	-8.7	0.7
Bahan kimia dan keluaran kimia	7.3	-1.4	1.8	4.0
Keluaran petroleum[1]	5.0	3.7	5.4	8.2
Keluaran getah	16.9	1.6	5.9	3.3
Pemprosesan luar estet	-1.3	12.0	-0.5	20.1
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**4.9**	**10.9**	**6.8**	**14.0**
Antaranya:				
Keluaran berkaitan pembinaan[2]	3.3	5.1	5.0	14.5
Keluaran logam yang direka	21.9	19.0	19.4	16.4
Kelengkapan pengangkutan	-21.9	15.3	-6.0	20.8
Makanan	16.2	8.3	7.6	8.2
Jumlah Eksport Perkilangan	**1.4**	**3.0**	**0.3**	**0.8**
Antaranya:				
Keluaran elektronik dan elektrik	-2.0	-2.1	-4.2	-9.4
Bahan kimia dan keluaran kimia	33.8	9.1	13.8	6.7
Keluaran petroleum	-24.5	43.7	3.8	93.4
Keluaran getah	31.0	20.6	13.4	21.9
Barangan perabot	7.9	1.5	5.9	0.6

[1] Dalam Indeks Pengeluaran Perindustrian (2000=100) yang baru, LNG telah diklasifikasikan semula sebagai keluaran petroleum (sebelum ini diklasifikasikan sebagai bahan kimia dan keluaran kimia). Dengan itu, keluaran petroleum diklasifikasikan semula sebagai industri berorientasikan eksport

[2] Termasuk besi & keluli dan logam bukan ferum serta keluaran galian bukan logam

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

lembap kerana permintaan luaran yang lebih rendah. Sebaliknya, industri berasaskan sumber terus disokong oleh permintaan daripada rantau ini, khususnya permintaan terhadap keluaran petroleum dan kimia. Aktiviti industri di luar estet juga lebih giat sejajar dengan pengeluaran komoditi yang lebih tinggi pada suku ini. Dalam sektor E&E, segmen komputer dan komponen mencatat prestasi kukuh (17.4%) hasil daripada sokongan permintaan daripada pasaran bukan AS, khususnya Eropah dan Asia. Walau bagaimanapun, pengeluaran produk separa konduktor berkembang lebih perlahan (0.3%; S4 2007: 8.8%) kerana permintaan global yang lebih rendah.

Prestasi **industri berorientasikan dalam negeri** lebih teguh pada suku pertama, mencerminkan pengembangan menyeluruh di semua segmen. Industri berkaitan dengan sektor pembinaan mencatat pengembangan dua angka, hasil daripada aktiviti pembinaan dalam negeri yang sangat giat dan juga permintaan serantau. Sementara itu, jualan kenderaan bermotor baharu yang kukuh menyokong pertumbuhan keluaran galian bukan logam dan industri kelengkapan pengangkutan.

Pada suku pertama, sektor perkilangan beroperasi pada kadar penggunaan kapasiti 78%. Kadar penggunaan kapasiti bagi industri berorientasikan eksport dan industri berorientasikan dalam negeri masing-masing pada purata 79% dan 74%.

Kadar Penggunaan Kapasiti dalam Sektor Perkilangan *



* Mulai 2004, penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan telah diasaskan semula daripada nilai tambah tahun 2000 kepada nilai tambah tahun 2004

Sektor perkhidmatan pendorong utama pertumbuhan

Sektor perkhidmatan terus menjadi pendorong utama pertumbuhan pada suku pertama, dengan menyumbangkan 4.3 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK keseluruhan. Pengembangan sektor ini didorong oleh subsektor perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran, kewangan dan insurans, dan subsektor pengangkutan dan penyimpanan.

Pertumbuhan subsektor **perdagangan borong dan runcit**, dan subsektor **penginapan dan restoran** kekal pada paras yang tinggi disebabkan oleh aktiviti penggunaan dalam negeri yang kukuh seperti dicerminkan oleh pertumbuhan tinggi dalam import barangan penggunaan (10.1%), pinjaman terkumpul kepada sektor perdagangan

Prestasi Sektor Perkhidmatan (nilai ditambah pada harga tahun 2000)

	Bahagian 2007	2007			2008
		S1	S4	Tahun	S1
	%	Perubahan tahunan (%)			
Perkhidmatan Pengantara	**43.7**	**12.8**	**10.2**	**11.7**	**8.3**
Kewangan & insurans	19.9	13.8	10.0	11.1	9.9
Harta tanah & perkhidmatan perniagaan	9.8	22.5	11.1	18.2	4.5
Pengangkutan & penyimpanan	7.0	5.6	12.4	10.0	9.8
Komunikasi	7.0	5.4	7.2	7.0	7.5
Perkhidmatan Akhir	**56.3**	**6.8**	**8.6**	**8.1**	**7.8**
Elektrik, gas & air	5.6	4.1	3.0	3.9	4.6
Perniagaan borong & runcit	22.8	9.2	12.9	12.5	12.4
Penginapan & restoran	4.4	7.8	12.3	10.8	10.0
Perkhidmatan Kerajaan	12.9	6.3	5.0	4.5	2.8
Perkhidmatan lain	10.6	3.7	5.4	5.0	5.2
Jumlah Perkhidmatan	**100.0**	**9.4**	**9.3**	**9.7**	**8.0**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk Suku Tahunan Terpilih Sektor Perkhidmatan

	2007				2008
	S1	S2	S3	S4	S1
	Peratusan pada akhir tempoh (%)				
Kadar penembusan telefon bimbit	77.0	78.2	80.8	85.1	87.9
Kadar penembusan pelanggan internet	14.0	14.2	14.3	14.3	14.5
Kadar penembusan pelanggan jalur lebar	3.7	4.1	4.5	5.0	5.4
	Indeks				
Indeks Sentimen Pengguna MIER	124.1	115.9	117.5	110.7	115.5
Indeks Perdagangan Runcit MIER	118.8	129.5	145.9	141.2	106.1
Indeks Pasaran Pelancongan MIER	133.8	131.6	131.1	133.6	120.3
	Perubahan tahunan (%)				
Jumlah kredit penggunaan terkumpul	7.8	7.4	7.1	7.3	7.2
Pinjaman terkumpul kepada perdagangan borong & runcit, hotel & restoran	1.8	-0.2	6.1	7.2	10.5
Import barangan penggunaan	8.9	1.1	1.2	3.8	6.0
Jumlah jualan kenderaan bermotor	-15.3	-9.1	4.9	19.0	24.7
Kargo kontena yang dikendali (Pelabuhan Klang dan PTP)	18.5	12.2	9.7	14.4	9.7

Sumber: Pelbagai Sumber

borong dan runcit (10.5%) dan jualan kenderaan bermotor baharu (24.7%) pada suku ini.

Subsektor perkhidmatan **kewangan dan insurans** pula didorong oleh aktiviti pengantaraan yang lebih giat di samping pengembangan aktiviti berasaskan fi yang berterusan dalam sektor perbankan. Pertumbuhan turut disokong oleh segmen insurans. Sementara itu, subsektor **pengangkutan dan penyimpanan** terus mencatat pertumbuhan dua angka yang besar hasil daripada sumbangan segmen kargo dan penumpang ekoran aktiviti perdagangan yang teguh dan peningkatan perjalanan oleh rakyat Malaysia dan pelancong asing.

Pertumbuhan komoditi lebih tinggi

Sektor pertanian meningkat dengan teguh sebanyak 6.3% pada suku pertama didorong oleh pengeluaran minyak sawit mentah yang tinggi berikutan pemulihan dalam kitaran kadar hasil. Ini menyebabkan pertambahan hasil sebanyak 15.8%. Pertumbuhan sektor pertanian turut dibantu oleh prestasi menggalakkan segmen pertanian lain, iaitu buah-buahan dan sayur-sayuran, dan juga ternakan. Sementara itu, **sektor perlombongan** mencatat pengeluaran minyak mentah (termasuk kondensat) yang lebih tinggi sebanyak 5.5% untuk meningkat kepada 709,640 tong sehari. Ini berikutan pengeluaran yang lebih tinggi daripada telaga minyak Kikeh. Di samping itu, pengeluaran gas asli juga meningkat 0.8% pada suku ini.

Prestasi Sektor Pertanian

	2007			2008
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Nilai Ditambah (pada harga tahun 2000)	**3.8**	**4.7**	**2.2**	**6.3**
Tanaman Industri	**3.8**	**6.1**	**0.0**	**9.1**
Tanaman Makanan	**3.8**	**2.8**	**5.3**	**2.5**
Pengeluaran				
Antaranya:				
Minyak sawit mentah	-1.4	12.9	-0.4	23.9
Getah	-6.9	-7.6	-6.6	-1.6
Ikan	3.8	4.9	0.2	0.4
Ternakan	18.1	6.5	9.9	1.0
Eksport (RM juta)	**7.7**	**37.8**	**24.4**	**66.2**
Antaranya:				
Minyak sawit	18.2	65.2	47.8	104.3
Getah	-12.9	2.9	-10.9	30.8
Kayu siap digergaji	7.4	-21.4	-5.4	-21.6
Kayu balak	-10.5	-18.7	-6.6	-1.8

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
Lembaga Getah Malaysia (LGM)
Jabatan Perikanan Malaysia
Jabatan Perkhidmatan Haiwan Malaysia
Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Perlombongan

	2007			2008
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Nilai Ditambah (pada harga tahun 2000)	**-0.4**	**3.5**	**3.3**	**3.7**
Pengeluaran				
Antaranya:				
Minyak mentah dan kondensat	-1.9	7.2	4.3	5.5
Gas asli	1.1	-2.2	1.4	0.8
Eksport (RM juta)	**-5.3**	**21.3**	**7.5**	**40.2**
Antaranya:				
Minyak mentah dan kondensat	-8.6	32.1	3.5	50.9
Gas asli cecair	4.3	8.3	12.3	24.7

Sumber: PETRONAS
Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor pembinaan mengekalkan momentum pertumbuhan

Sektor pembinaan terus mengekalkan momentum pertumbuhannya dengan berkembang sebanyak 5.3% pada suku pertama. Pertumbuhan disokong oleh aktiviti subsektor kejuruteraan awam yang berkaitan dengan projek infrastruktur dalam sektor minyak dan gas, serta projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Prestasi sektor ini ditingkatkan lagi oleh segmen bukan kediaman, khususnya pembinaan ruang pejabat di Lembah Kelang.

Penunjuk Pembinaan

	2007			2008
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Permit jualan dan iklan baru	7.7	-3.1	2.0	-6.4
Kelulusan perumahan	-9.6	-6.0	-11.5	10.6
Pengeluaran bahan berkaitan pembinaan	3.3	5.1	5.0	14.5
Kelulusan pinjaman untuk pembinaan	81.7	27.7	54.8	73.0
Import bahan pembinaan dan bahan galian	12.6	38.8	12.9	31.6[1]

[1] Januari-Februari 2008

Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Permintaan dalam negeri meningkat dengan kukuh

Permintaan dalam negeri mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 10.1% pada suku pertama 2008 (S4 2007: 9.1%).

Perbelanjaan **penggunaan swasta** mencatat pertumbuhan dua angka sebanyak 11.8% pada suku pertama. Meskipun terdapat kebimbangan mengenai kenaikan harga, perbelanjaan pengguna disokong oleh pendapatan boleh guna yang meningkat, prestasi eksport yang kukuh dan keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan. Penunjuk penggunaan utama menyarankan pengembangan mampan aktiviti perbelanjaan pengguna pada suku pertama, dengan pertumbuhan dua angka dalam perbelanjaan kad kredit, jualan kereta penumpang serta pinjaman yang diluluskan dan dikeluarkan kepada sektor isi rumah, dan juga kepada perusahaan perniagaan dalam sektor perdagangan borong dan runcit.

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2000)

	2007			2008
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	8.1	9.1	9.8	10.1
Penggunaan	7.6	8.7	9.9	11.6
Sektor swasta	*7.6*	*10.2*	*10.8*	*11.8*
Sektor awam	*7.3*	*4.2*	*6.6*	*10.5*
Pembentukan Modal Tetap Kasar	9.5	10.2	9.6	6.0
Eksport Bersih	-12.7	-12.3	-3.8	26.4
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*2.4*	*7.8*	*4.2*	*6.0*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*4.7*	*11.0*	*5.4*	*3.4*
KDNK	**5.5**	**7.3**	**6.3**	**7.1**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sentimen Pengguna dan Keyakinan Perniagaan Bertambah Baik



Berikutan pandangan positif pengguna yang berterusan mengenai prospek ekonomi dalam negeri, Indeks Sentimen Pengguna Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (Malaysian Institute of Economic Research, MIER) meningkat kepada 115.5 mata pada suku pertama (S4 2007: 110.7 mata). **Penggunaan awam** meningkat 10.5% pada suku pertama (S4 2007: 4.2%) disebabkan oleh perbelanjaan yang lebih tinggi terhadap emolumen, pertahanan serta bekalan dan perkhidmatan.

Sementara itu, **pembentukan modal tetap kasar** meningkat lebih sederhana pada kadar 6% pada suku pertama 2008 (S4 2007: 10.2%). Penunjuk pelaburan utama menunjukkan corak perbelanjaan modal yang kukuh, termasuk pertumbuhan teguh jualan kenderaan perdagangan, pinjaman yang dikeluarkan untuk perniagaan, terutamanya sektor pembinaan dan

perkilangan, serta import barangan modal. Aliran masuk kasar pelaburan langsung asing yang mapan sebanyak RM6.8 bilion, terutamanya kepada sektor perkilangan dan sektor minyak dan gas, menyokong lagi pengembangan perbelanjaan modal sektor swasta. Sentimen perniagaan positif seperti ditunjukkan oleh Indeks Keadaan Perniagaan MIER yang meningkat kepada 119.9 mata (S4 2007: 105.5 mata), dan kadar penggunaan kapasiti yang tinggi dalam sektor perkilangan juga mengekalkan peningkatan pelaburan. Perbelanjaan pembangunan Kerajaan terus tertumpu pada penyediaan perkhidmatan asas seperti pembangunan pertanian dan luar bandar, penambahbaikan kemudahan awam dan infrastruktur pengangkutan serta penyediaan perumahan, pendidikan dan perkhidmatan kesihatan.

Kadar inflasi meningkat pada suku pertama 2008

Kadar inflasi purata meningkat kepada 2.6% pada suku pertama (S4 2007: 2.2%). Harga bagi kebanyakan kategori dalam Indeks Harga Pengguna naik lebih tinggi berbanding dengan suku sebelumnya. Bagi kategori makanan dan minuman tanpa alkohol, kadar inflasi ialah 4.4% dan ia merupakan penyebab utama kenaikan inflasi, dengan menyumbangkan 1.4 mata peratusan kepada kadar inflasi keseluruhan. Harga makanan dalam negeri meningkat berikutan kenaikan harga makanan global. Harga bagi kategori restoran dan hotel pula terus meningkat memandangkan harga makanan dan minuman ringan di restoran dan kafe terus naik. Harga logam berharga global yang lebih tinggi juga menaikkan harga bagi kategori pelbagai barangan dan perkhidmatan. Peningkatan inflasi keseluruhan sedikit sebanyak diimbangi oleh penurunan harga dalam kategori komunikasi; dan pakaian dan kasut, dan sebahagiannya disebabkan oleh persaingan sengit dalam sektor-sektor ini.

Inflasi harga pengeluar (IHPR) secara relatif masih tinggi pada 9.8% (S4 2007: 10%), menandakan tekanan kos yang berterusan. Harga bagi komponen berasaskan komoditi IHPR lebih tinggi berikutan kenaikan berterusan dalam harga global komoditi mentah seperti minyak mentah, getah dan minyak sawit mentah pada suku pertama. Walau bagaimanapun, harga bagi komponen bukan berasaskan komoditi IHPR khususnya kategori jentera dan kelengkapan pengangkutan, naik sederhana.

Keadaan pasaran pekerja menggalakkan

Keadaan pasaran pekerja menggalakkan pada suku pertama berikutan jumlah pemberhentian pekerja yang menurun dengan ketara, dan permintaan terhadap pekerja yang terus meningkat. Indeks Guna Tenaga MIER meningkat 6.1 mata berbanding dengan suku sebelumnya kepada 119.2 mata, lantas menyarankan prospek guna tenaga masih optimistik.

Sumbangan kepada Inflasi Harga Pengguna



Jumlah pemberhentian pekerja menurun 45% pada asas suku tahunan kepada 2,397 orang (S4 2007: 4,345 orang) dan ini terutamanya menunjukkan pemberhentian pekerja yang lebih rendah dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Hampir separuh daripada pekerja yang diberhentikan ialah pekerja berkemahiran rendah seperti pengendali loji dan jentera (27%) dan pekerja am (22%), manakala pekerja

Keadaan Pasaran Pekerja



profesional dan teknikal merangkumi 15%. Secara keseluruhan, majikan menyatakan kos pengeluaran yang tinggi, penurunan permintaan dan keluaran yang tidak dapat dipasarkan sebagai faktor utama pemberhentian pekerja.

Sementara itu, bilangan kekosongan jawatan yang dilaporkan melalui Bursa Buruh Elektronik (Electronic Labour Exchange, ELX) meningkat pada suku pertama kepada 219,366 jawatan (S4 2007: 219,179 jawatan). Kebanyakan daripada jawatan kosong ini adalah dalam sektor pertanian (31%), dan perkilangan dan perkhidmatan (29% setiap sektor). Sebahagian besar jawatan kosong yang diiklankan dalam ELX ialah pekerjaan asas seperti pekerja am dalam sektor perkilangan, pertanian, pembinaan dan perkhidmatan serta pembantu rumah dan pencuci. Kekosongan jawatan bagi siswazah bertambah 48% kepada 20,501 jawatan berbanding dengan suku sebelumnya, dengan kebanyakan jawatan adalah dalam sektor perkhidmatan, terutamanya industri kewangan, harta tanah, perkhidmatan perniagaan dan pendidikan.

Pertumbuhan produktiviti pekerja benar bagi sektor perkilangan pulih semula pada suku pertama kepada 9.7% (S4 2007: 0.1%) dan melebihi pertumbuhan upah benar setiap pekerja. Produktiviti pekerja disokong oleh jualan perkilangan yang lebih tinggi bagi industri berorientasikan dalam negeri dan industri berorientasikan eksport (masing-masing 23.1% dan 12.6%) ekoran pertumbuhan bilangan pekerja yang stabil (1.3% bagi seluruh sektor). Pertumbuhan upah benar setiap pekerja kekal pada 3.3% (S4 2007: 3.2%), lantas menambahkan sokongan kepada perbelanjaan penggunaan.

Eksport lebih kukuh, disokong oleh komoditi

Akaun perdagangan mencatat lebihan RM26.8 bilion pada suku pertama (S4 2007: RM28.4 bilion). **Eksport kasar** meningkat 9.8%, iaitu kadar terpantas sejak suku ketiga 2006, disebabkan terutamanya oleh prestasi kukuh eksport komoditi. Sementara itu, pertumbuhan import menjadi sederhana kepada 6.7% (S4 2007: 10.9%) disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan import barangan pengantara yang lebih perlahan.

Imbangan Perdagangan



Eksport pertanian mencatat prestasi yang amat baik pada suku pertama dengan meningkat 66.2%, didorong terutamanya oleh harga dan juga jumlah eksport yang lebih tinggi. Perolehan eksport minyak sawit khususnya, meningkat lebih sekali ganda berikutan harga tertinggi yang pernah dicatat

(RM3,159 setan) dan peningkatan jumlah eksport (23.1%). Di samping asas-asas ekonomi yang teguh, kenaikan ketara harga minyak mentah turut menyebabkan kenaikan harga minyak sawit mentah dan getah.

Seiring dengan trend menaik harga minyak mentah global yang turut menyebabkan kenaikan harga eksport minyak mentah Malaysia kepada harga purata USD95.28 setong, **eksport mineral** meningkat 40.2% pada suku pertama. Pertumbuhan disokong selanjutnya oleh kenaikan 24.7% dalam eksport gas asli cecair berikutan harga yang lebih tinggi.

Akaun Perdagangan

	2007			2008
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Eksport Kasar	**1.0**	**7.6**	**2.7**	**9.8**
Perkilangan	*1.4*	*3.0*	*0.3*	*0.8*
Pertanian	*7.7*	*37.8*	*24.4*	*66.2*
Mineral	*-5.3*	*21.3*	*7.5*	*40.2*
Import Kasar	**5.5**	**10.9**	**5.0**	**6.7**
Barangan modal	*-5.3*	*17.3*	*7.2*	*8.5*
Barangan pengantara	*9.0*	*13.6*	*6.9*	*8.7*
Barangan penggunaan	*8.9*	*3.8*	*3.6*	*6.0*
Imbangan perdagangan (RM bilion)	**21.1**	**28.4**	**100.3**	**26.8**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Eksport perkilangan terus berkembang pada suku pertama meskipun pada kadar lebih sederhana sebanyak 0.8% (S4 2007: 3%) memandangkan pertumbuhan teguh keluaran berasaskan sumber diimbangi oleh penguncupan eksport E&E. Di samping permintaan terhadap separa konduktor yang lebih rendah daripada pasaran utama, eksport keluaran E&E turut dipengaruhi oleh kemerosotan harga seperti diperlihatkan oleh penurunan harga jualan purata separa konduktor serta komputer dan komponen. Sementara itu, eksport keluaran berasaskan sumber tertentu, iaitu keluaran petroleum, getah dan makanan, meningkat dengan nyata memandangkan harga jualan dipengaruhi oleh kos input komoditi yang tinggi.

Pada suku pertama, eksport ke Australia dan India meningkat dengan ketara (masing-masing 37.9% dan 23.7%) ekoran permintaan yang kukuh terhadap minyak mentah, keluaran petroleum bertapis dan keluaran E&E. Eksport ke Kesatuan Eropah, yang terdiri terutamanya daripada eksport keluaran E&E, kimia dan keluaran kimia serta kelengkapan optik dan saintifik, bertambah baik dan meningkat 2.2%. Sementara itu, eksport serantau (tidak termasuk Jepun) terus berkembang dengan kukuh (9.2%), hasil daripada permintaan terhadap keluaran bukan E&E dan komoditi. Sebaliknya, eksport ke AS merosot lagi, terutamanya kerana permintaan terhadap keluaran E&E yang lebih rendah.

Import kasar berkembang sederhana pada kadar 6.7% pada suku pertama (S4 2007: 10.9%), disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan import **barangan pengantara** yang lebih perlahan (8.7%; S4 2007: 13.6%), khususnya input bagi industri E&E. Import **barangan modal**, tidak termasuk barangan besar, meningkat 12.8% (S4 2007: 9.6%). Aktiviti huluan dan hiliran sektor minyak dan gas yang

Malaysia: Destinasi Eksport

	2007			2008	2007			2008
	S1	S4	Tahun	S1	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)				Bahagian daripada jumlah eksport (%)			
Amerika Syarikat	**-3.2**	**-15.8**	**-14.5**	**-17.6**	**17.2**	**14.3**	**15.6**	**12.9**
Kesatuan Eropah (EU)[1]	**9.7**	**-3.2**	**3.6**	**2.2**	**12.8**	**12.5**	**12.9**	**11.9**
Negara ASEAN terpilih[2]	**-4.8**	**15.0**	**1.2**	**13.7**	**25.8**	**26.4**	**25.5**	**26.7**
Negara Timur Laut Asia	**10.2**	**19.2**	**10.4**	**3.5**	**20.1**	**20.5**	**19.9**	**18.9**
Republik Rakyat China	*34.6*	*32.5*	*24.3*	*12.5*	*8.1*	*9.5*	*8.8*	*8.3*
Hong Kong SAR	*-15.6*	*13.1*	*-4.0*	*-13.7*	*4.6*	*4.7*	*4.6*	*3.6*
China Taipei	*15.4*	*1.6*	*2.6*	*-4.4*	*2.7*	*2.6*	*2.7*	*2.4*
Korea	*5.9*	*11.5*	*8.2*	*9.4*	*4.7*	*3.7*	*3.8*	*4.7*
India	**7.1**	**2.5**	**7.6**	**23.7**	**3.1**	**3.4**	**3.3**	**3.5**
Jumlah eksport	**1.0**	**7.6**	**2.7**	**9.8**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

[1] Merujuk kepada Kesatuan Eropah (EU) 27 bermula dari tahun 2007
[2] Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Vietnam

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan Import



Malaysia: Import Mengikut Penggunaan Akhir[1]

	2007			2008
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
BARANGAN MODAL	**-5.3**	**17.3**	**7.2**	**8.5**
Barangan modal (kecuali kelengkapan pengangkutan)	-4.9	9.7	5.6	14.7
Kelengkapan pengangkutan	-7.7	78.6	17.8	-24.7
BARANGAN PENGANTARA	**9.0**	**13.6**	**6.9**	**8.7**
Makanan dan minuman terutamanya untuk industri	4.0	32.4	21.0	53.3
Bekalan perindustrian, t.s.t.l.	24.1	15.9	17.0	11.4
Bahan api dan pelincir	8.8	32.9	2.0	24.3
Alat ganti dan aksesori barangan modal (kecuali kelengkapan pengangkutan)	2.8	6.1	0.4	-0.3
Alat ganti dan aksesori kelengkapan pengangkutan	-18.3	37.7	11.4	32.2
BARANGAN PENGGUNAAN	**8.9**	**3.8**	**3.6**	**6.0**
Makanan dan minuman terutamanya untuk penggunaan isi rumah	15.0	7.1	6.8	5.2
Kelengkapan pengangkutan bukan perindustrian	-12.1	2.0	9.7	61.5
Barangan pengguna, t.s.t.l.	5.8	2.1	1.8	5.7
LAIN-LAIN[2]	**5.3**	**11.4**	**5.3**	**7.0**
IMPORT KASAR	**5.5**	**10.9**	**5.0**	**6.7**

[1] Dikelaskan mengikut Kategori Ekonomi Umum di bawah Sistem Akaun Negara
[2] Merujuk kepada barangan dwiguna, import tertangguh, eksport semula dan lain-lain t.s.t.l. Tidak disenarai di tempat lain

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

lebih kukuh menyebabkan import kelengkapan pembinaan dan perlombongan yang lebih tinggi. Import jentera dan kelengkapan pejabat terus kukuh seiring dengan aktiviti pelaburan yang berterusan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Permintaan yang lebih tinggi sempena musim perayaan dan sentimen positif pengguna juga menyebabkan peningkatan import **barangan penggunaan** (6%; S4 2007: 3.8%), khususnya makanan dan minuman, kelengkapan pengangkutan dan juga barangan pengguna tahan lama dan separa tahan lama.

Aliran masuk FDI berterusan manakala pelaburan portfolio terus kukuh

Pada asas tunai, aliran masuk kasar **pelaburan langsung asing** (*foreign direct investment*, FDI) meningkat kepada RM6.8 bilion pada suku pertama (S4 2007: RM12.9 bilion), mencerminkan terutamanya pengeluaran pinjaman antara syarikat yang lebih rendah. FDI ini disalurkan terutamanya kepada sektor perkhidmatan (47.3%), diikuti oleh sektor minyak dan gas (20.7%) dan sektor perkilangan (19.6%). FDI kepada sektor perkhidmatan adalah lebih pelbagai, dan disalurkan kepada subsektor komunikasi; perdagangan borong dan runcit; kewangan dan insurans; serta subsektor harta tanah dan perkhidmatan perniagaan. Bagi sektor perkilangan, industri E&E, industri hiliran berkaitan minyak dan industri berkaitan kertas menerima sejumlah besar daripada aliran masuk FDI. Setelah membuat pelarasan bagi aliran keluar kasar yang disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik pinjaman jangka pendek, FDI bersih berjumlah RM1.7 bilion (S4 2007: RM3.4 bilion). Data bagi FDI pada asas tunai tidak mengambil kira perolehan tertahan dan pelaburan dalam bentuk import jentera dan kelengkapan.

Pelaburan luar negeri oleh syarikat Malaysia mencatat aliran keluar kasar sebanyak RM56.7 bilion (S4 2007: -RM20.2 bilion), mencerminkan terutamanya pinjaman jangka pendek antara syarikat yang lebih besar yang diberikan oleh syarikat milik bukan pemastautin dalam sektor minyak dan gas kepada syarikat berkaitan milik mereka di luar negeri, berikutan operasi perbendaharaan berpusat mereka. Aliran keluar ini sebahagian besarnya diimbangi oleh aliran masuk berikutan pembayaran balik pinjaman jangka pendek antara syarikat pada suku pertama. Setelah membuat pelarasan bagi aliran masuk ini, pelaburan luar negeri mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM4.9 bilion (S4 2007: -RM4.8 bilion). Pelaburan luar negeri sebahagian besarnya dibuat oleh syarikat dalam sektor perkilangan, perkhidmatan, minyak dan gas serta pembinaan. Bagi sektor perkilangan, pelaburan luar negeri

kebanyakannya disalurkan kepada industri E&E, industri berasaskan sumber dan industri berkaitan dengan pembinaan. Pelaburan luar negeri dalam sektor perkhidmatan diterajui oleh syarikat pemegangan pelaburan dan juga perdagangan borong dan runcit serta subsektor harta tanah dan perkhidmatan perniagaan. Bagi sektor minyak dan gas, pelaburan oleh PETRONAS disalurkan kebanyakannya kepada anak-anak syarikatnya di Asia Barat, Vietnam dan Afrika. Sementara itu, pelaburan luar negeri dalam sektor pembinaan kebanyakannya adalah untuk projek pembangunan di Asia Barat, Asia Selatan dan Vietnam.

Pelaburan portfolio mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM1.5 bilion pada suku pertama (S4 2007: RM4.7 bilion). Kebimbangan yang meningkat mengenai kelembapan ekonomi AS dan ketidaktentuan yang lebih ketara dalam pasaran kewangan global menyebabkan penjualan bersih sekuriti ekuiti oleh pelabur asing. Perkembangan ini pada umumnya sejajar dengan prestasi pasaran ekuiti serantau. Namun, kesemua aliran keluar ini lebih daripada diimbangi oleh aliran masuk dana asing yang lebih tinggi bagi pelaburan sekuriti hutang.

Hutang luar negeri kekal pada tahap berhemat

Berkuat kuasa pada awal 2008, data hutang luar negeri Malaysia ditakrifkan semula untuk mengambil kira entiti di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan International Business and Financial Centre, Labuan IBFC) sebagai pemastautin. Berdasarkan takrifan baharu ini, pendedahan hutang entiti luar pesisir ini dengan negara lain di dunia akan diambil kira sebagai hutang luar negeri Malaysia, manakala pendedahan hutang pemastautin dengan entiti luar pesisir di IFBC Labuan tidak diambil kira. Ini bertujuan menghasilkan penilaian risiko yang lebih mantap bagi negara dan supaya ia selaras dengan piawai dan amalan terbaik antarabangsa mengenai klasifikasi entiti luar pesisir dalam pengumpulan data luar negeri. Maklumat lanjut terkandung dalam Artikel "Pengumpulan Data Hutang Luar Negeri Malaysia: Klasifikasi Entiti Luar Pesisir di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan sebagai Pemastautin".

Pada akhir bulan Mac 2008, kedudukan hutang luar negeri Malaysia berjumlah RM212.8 bilion atau USD65.9 bilion (akhir 2007: RM211.2 bilion atau USD63.1 bilion), bersamaan dengan 31.1% daripada Pendapatan Negara Kasar (PNK). **Hutang jangka sederhana dan panjang** adalah lebih rendah (RM132.4 bilion; akhir 2007: RM134 bilion) disebabkan oleh keuntungan penilaian semula daripada penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang utama, khususnya dolar AS, serta pembayaran balik bersih oleh Kerajaan Persekutuan yang lebih daripada mengimbangi pengambilan pinjaman bersih oleh Perbadanan Awam Bukan Kewangan (PABK). Sementara itu, pengambilan pinjaman bersih sebanyak RM1.5 bilion oleh PABK sebahagian besarnya dibuat oleh syarikat dalam subsektor kewangan dan insurans serta sektor elektrik, gas dan air.

Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2007	2008
	S4	S1[a]
	RM bilion	
Hutang jangka sederhana dan panjang	134.0	132.4
Sektor awam	74.2	74.5
Sektor swasta	59.8	57.9
Hutang jangka pendek[1]	77.2	80.4
Jumlah hutang luar negeri	211.2	212.8
- Bersamaan USD bilion	63.1	65.9

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin
[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jumlah **hutang luar negeri jangka pendek** meningkat sedikit kepada RM80.4 bilion atau USD24.9 bilion (akhir 2007: RM77.2 bilion atau USD23.1 bilion), disebabkan terutamanya oleh peminjaman antara bank, khususnya oleh entiti kewangan luar pesisir di Labuan IBFC bagi operasi perbendaharaan. Pada akhir bulan Mac 2008, hutang jangka pendek masih rendah dan merupakan 20.9% daripada rizab antarabangsa bersih.

Pengumpulan Data Hutang Luar Negeri Malaysia: Klasifikasi Entiti Luar Pesisir di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan sebagai Pemastautin

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk menambah baik pengumpulan dan penyebaran data hutang luar negeri selaras dengan piawai dan amalan terbaik antarabangsa[1], data hutang luar negeri Malaysia telah ditakrifkan semula untuk mengambil kira entiti di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan IBFC) sebagai pemastautin mulai suku pertama 2008. Berdasarkan takrifan baharu ini, pendedahan hutang entiti luar pesisir ini dengan negara lain di dunia akan diambil kira sebagai hutang luar negeri Malaysia, manakala pendedahan hutang pemastautin dengan entiti luar pesisir di Labuan IBFC tidak diambil kira.

Klasifikasi entiti luar pesisir di Labuan IBFC sebagai pemastautin hanya terhad kepada pengumpulan data hutang luar negeri. Entiti luar pesisir di Labuan IBFC akan terus diklasifikasikan sebagai bukan pemastautin bagi tujuan pentadbiran pertukaran asing, justeru tidak tertakluk kepada peraturan pentadbiran pertukaran asing yang terpakai bagi pemastautin.

Implikasi terhadap Hutang Luar Negeri Malaysia

Jadual 1 menunjukkan perbandingan kedudukan hutang luar negeri Malaysia dengan entiti luar pesisir di Labuan IBFC apabila diklasifikasikan sebagai bukan pemastautin (takrifan lama) dan sebagai pemastautin (takrifan baharu). Berdasarkan takrifan baharu ini, jumlah hutang luar negeri Malaysia pada akhir 2007 adalah tinggi sedikit, iaitu RM211.2 bilion (bersamaan dengan USD63.1 bilion) atau 33.6% daripada Pendapatan Negara Kasar (PNK), berbanding dengan RM187.4 bilion (bersamaan dengan USD56 bilion) atau 29.9% daripada PNK menurut takrifan lama. Profil hutang luar negeri terus menjurus kepada struktur kematangan yang lebih panjang, seperti ditunjukkan oleh bahagian hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang daripada jumlah hutang luar negeri sebanyak 63.4%.

Jadual 1:
Hutang Luar Negeri Terkumpul

	Entiti luar pesisir di Labuan IBFC sebagai		
	Bukan pemastautin	Pemastautin (takrifan baharu)	
	RM bilion		
	Akhir S4 07	Akhir S4 07	Akhir S1 08[a]
Jumlah hutang luar negeri (HL)	**187.4**	**211.2**	**212.8**
(bersamaan USD bilion)	*56.0*	*63.1*	*65.9*
Jangka sederhana dan panjang (HJSP)	133.0	134.0	132.4
Kerajaan Persekutuan	*19.6*	*18.7*	*18.2*
PABK	*41.9*	*55.5*	*56.3*
Sektor Swasta	*71.5*	*59.8*	*57.9*
Bank	*1.4*	*13.2*	*12.3*
Bukan bank	*70.1*	*46.6*	*45.6*
Jangka pendek (HJP)[1]	54.5	77.2	80.4
Bank	*42.1*	*69.9*	*73.5*
Bukan bank	*12.3*	*7.3*	*6.9*
	(peratus)		
HL/PNK	29.9	33.6	31.1
HJP/HL	29.1	36.6	37.8
HJP/Rizab antarabangsa	16.2	23.0	20.9

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin
[a] Awalan

[1] *The Fifth Edition of the Balance of Payments Manual* (BPM 5) IMF mengklasifikasikan entiti luar pesisir dalam sesebuah ekonomi sebagai pemastautin untuk tujuan pengumpulan data luar negeri, termasuk data hutang luar negeri. *External Debt Statistics Guide for Compilers and Users* (2003) juga menyatakan bahawa '**Perusahaan luar pesisir**'—termasuk perusahaan yang terlibat dalam pemasangan komponen yang dikilangkan di tempat lain, perusahaan yang terlibat dalam operasi perdagangan dan kewangan serta perusahaan yang terletak dalam zon khas—**dianggap sebagai pemastautin bagi ekonomi di tempat perusahaan itu berada**'. Oleh itu, liabiliti hutang entiti luar pesisir yang berhutang kepada bukan pemastautin hendaklah dimasukkan sebagai sebahagian daripada hutang luar negeri sesebuah ekonomi.

Hutang luar negeri yang lebih besar berdasarkan takrifan baharu ini mencerminkan terutamanya peminjaman antara bank jangka pendek yang lebih tinggi oleh entiti kewangan luar pesisir di Labuan IBFC untuk pemberian pinjaman, aktiviti pelaburan dan operasi perbendaharaan. Meskipun hutang jangka pendek meningkat, nisbah hutang jangka pendek Malaysia berbanding dengan rizab masih rendah, iaitu 23% (16.2% menurut takrifan lama). Paling ketara, hutang jangka pendek sektor swasta bukan bank adalah lebih rendah, pada RM7.3 bilion dan mencakupi hanya 9.5% daripada jumlah hutang luar negeri jangka pendek.

Hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang tinggi sedikit, pada RM134 bilion (bersamaan dengan USD40 bilion) menurut takrifan baharu (takrifan lama: RM133 bilion atau USD39.7 bilion) memandangkan pemasukan peminjaman oleh entiti luar pesisir (termasuk subsidiari PABK yang beroperasi di Labuan IBFC) daripada bukan pemastautin lebih daripada mengimbangi peminjaman luar negeri yang lebih rendah oleh Kerajaan Persekutuan dan sektor swasta bukan bank berikutan pengelasan semula pinjaman yang diperoleh daripada entiti luar pesisir di Labuan IBFC sebagai sebahagian daripada peminjaman dalam negeri.

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM384.7 bilion (bersamaan dengan USD120.3 bilion) pada 31 Mac 2008. Paras rizab ini mengambil kira pelarasan suku tahunan pengurangan nilai rizab disebabkan oleh penilaian semula pertukaran asing berikutan pengukuhan ringgit berbanding dengan mata wang utama pada suku pertama. Rizab meningkat kepada RM399.9 bilion (bersamaan dengan USD125.1 bilion) pada 15 Mei 2008. Kedudukan rizab ini memadai untuk membiayai 9.9 bulan import tertangguh dan merupakan 5 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)



Nota: Mulai akhir bulan Mac 2008, hutang luar negeri jangka pendek merujuk kepada takrifan baharu hutang luar negeri, dengan mengambil kira entiti luar pesisir di Labuan IBFC sebagai pemastautin.

Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan lebih tinggi

Pada suku pertama 2008, jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan meningkat pada kadar tahunan 32.3%, disebabkan terutamanya oleh emolumen yang lebih tinggi dan pindahan dana kepada badan berkanun, seperti ditunjukkan oleh perbelanjaan mengurus yang lebih tinggi (S1 2007: 38.7%). Pada masa yang sama, sebahagian besar daripada perbelanjaan pembangunan terus disalurkan kepada sektor ekonomi dan perkhidmatan sosial. Hasil Kerajaan Persekutuan juga bertambah

Kewangan Kerajaan Persekutuan



[a] Awalan
Sumber : Kementerian Kewangan

Kewangan Kerajaan Persekutuan[a]

	2007			2008
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
Hasil	24.2	48.2	139.9	28.0
% pertumbuhan	*0.1*	*40.0*	*13.2*	*15.4*
Perbelanjaan mengurus	21.7	42.9	123.1	30.4
% pertumbuhan	*25.2*	*7.3*	*14.3*	*40.3*
Akaun semasa	**2.5**	**5.3**	**16.8**	**-2.5**
% daripada KDNK	***1.8***	***3.0***	***2.6***	***-1.4***
Perbelanjaan pembangunan kasar	5.3	18.2	40.6	5.3
% pertumbuhan	*148.4*	*-6.0*	*13.3*	*-0.3*
Imbangan keseluruhan	**-2.6**	**-10.5**	**-20.7**	**-7.7**
% daripada KDNK	***-1.8***	***-5.9***	***-3.2***	***-4.4***
Memo:				
Jumlah perbelanjaan kasar	27.0	61.1	163.6	35.7
% pertumbuhan	*38.7*	*3.0*	*14.0*	*32.3*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	250.0	266.7	266.7	275.1
% daripada KDNK	*39.0*	*41.6*	*41.6*	*39.3*
Hutang dalam negeri	225.9	247.1	247.1	256.8
% daripada KDNK	*35.2*	*38.5*	*38.5*	*36.7*
Hutang luar negeri	24.1	19.6	19.6	18.2
% daripada KDNK	*3.8*	*3.1*	*3.1*	*2.6*

[a] Awalan

pada suku pertama berikutan kutipan hasil yang lebih baik. Pada suku pertama, kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan mencatat defisit fiskal sebanyak RM7.7 bilion (4.4% daripada KDNK). Defisit ini dibiayai terutamanya daripada peminjaman domestik. Pada akhir bulan Mac 2008, jumlah hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan berjumlah RM275.1 bilion atau 39.3% daripada anggaran KDNK tahun 2008.

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Kadar faedah stabil

Kadar Dasar Semalaman (*Overnight Policy Rate*, OPR) terus tidak berubah pada 3.50% pada suku pertama 2008 kerana paras semasa kadar dasar ini sejajar dengan prospek pertumbuhan ekonomi dan inflasi.

Pada masa yang sama, kadar antara bank semalaman purata wajaran harian bergerak dalam julat kecil 3.49% - 3.51%. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga secara relatif stabil pada suku pertama.

Dari segi kadar pinjaman, kadar pinjaman asas (*base lending rate*, BLR) purata bank perdagangan tidak berubah pada 6.72%. Sebaliknya, kadar pinjaman purata (*average lending rate*, ALR) menurun sedikit kepada 6.21% pada akhir bulan Mac, berbanding dengan 6.29% pada akhir 2007, disebabkan wujudnya persaingan dalam keadaan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi. Kadar disebut purata bagi deposit tetap (*fixed deposit*, FD) bank perdagangan antara 1 hingga 12 bulan tidak berubah, dalam lingkungan 3.08% hingga 3.70% pada akhir suku pertama.

Kadar Faedah

	2007		2008
	S1	S4	S1
	Pada akhir tempoh (%)		
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	3.50	3.50	3.50
Kadar antara bank			
Semalaman	3.50	3.50	3.50
1 bulan	3.55	3.54	3.55
Kadar pinjaman asas (BLR)			
Bank perdagangan	6.72	6.72	6.72
Kadar pinjaman purata (ALR)			
Bank perdagangan	6.54	6.29	6.21
Kadar deposit tetap			
Bank perdagangan			
3 bulan	3.18	3.15	3.14
12 bulan	3.71	3.70	3.70

Kadar Pinjaman Bank Perdagangan (Purata bagi tempoh)



Kadar Antara Bank Semalaman Purata Wajaran Harian



Operasi Mudah Tunai Bank Negara Malaysia (Pada suku tahunan, RM juta)



M3 berkembang lebih pesat

Wang secara luas atau M3 berkembang dengan ketara sebanyak RM51.6 bilion pada suku pertama. Berikutan itu, trend pertumbuhan wang secara luas berubah arah dan meningkat kepada 12.1% pada akhir bulan Mac 2008 selepas menjadi sederhana kepada 9.5% pada akhir tahun 2007. Pertumbuhan M3 disokong oleh aliran masuk yang kukuh pada suku pertama, hasil daripada perolehan eksport, pelaburan langsung asing dan pelaburan portfolio yang lebih tinggi. Pengembangan M3 juga disokong oleh peningkatan ketara dalam pemberian pinjaman kepada sektor swasta, dan sebahagian kecilnya oleh pengembangan operasi Kerajaan.

Sebaliknya, "pengaruh lain" memberikan kesan penguncupan terhadap M3, mencerminkan terutamanya operasi pensterilan Bank Negara Malaysia yang mengehadkan kesan aliran masuk terhadap pengembangan wang secara luas.

M1, iaitu ukuran baki urus niaga, meningkat pada kadar tahunan 20% pada akhir bulan Mac 2008 (akhir 2007: 19.6%), mencerminkan peningkatan mata wang dalam edaran dan deposit permintaan.

Agregat Monetari



Penentu-Penentu Wang Secara Luas, M3

	Perubahan pada tempoh			
	2007			2008
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
M3	**28.9**	**28.5**	**72.5**	**51.6**
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	1.0	8.5	-0.6	1.7
Tuntutan terhadap sektor swasta	5.2	-3.3	50.9	17.3
Pinjaman	*8.1*	*-3.1*	*48.4*	*16.3*
Sekuriti	*-2.9*	*-0.2*	*2.5*	*0.9*
Operasi luar negeri bersih[1]	37.3	20.7	77.0	45.7
BNM	*19.9*	*7.2*	*50.9*	*52.5*
Sistem perbankan	*17.5*	*13.5*	*26.1*	*-6.8*
Pengaruh lain	-14.7	2.7	-54.8	-13.0

[1] Sebelum penilaian semula

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan kasar sektor swasta terus kukuh

Aktiviti pembiayaan pada suku pertama terus kukuh bagi menyokong aktiviti ekonomi dalam negeri. Meskipun kewangan global mengalami kegawatan, keadaan kredit domestik terus menggalakkan, dengan permintaan terhadap pembiayaan disokong oleh mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dalam sistem kewangan domestik. Kos pembiayaan juga

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)		
	2007	S1 07	S4 07	S1 08	2007	S4 07	S1 08
Jumlah pembiayaan kasar	**649.6**	**135.5**	**183.3**	**159.0**	**17.6**	**34.9**	**17.4**
Pengeluaran pinjaman*	575.9	129.2	150.7	151.4	10.8	18.5	17.2
PDS kasar (tidak termasuk Cagamas)	66.5	5.1	28.7	6.5	116.4	255.0	26.6
Ekuiti	7.1	1.1	3.8	1.1	272.0	504.0	-2.2
Jumlah pembiayaan terkumpul (A)+(B)	**84.0**	**6.2**	**19.5**	**22.8**	**10.7**	**10.7**	**12.7**
Sistem perbankan	59.7	7.6	5.0	17.8	9.3	9.3	10.8
Pinjaman terkumpul (A)	*51.2*	*8.5*	*-0.7*	*17.4*	*8.6*	*8.6*	*10.0*
Pegangan PDS	*8.5*	*-0.9*	*5.7*	*0.5*	*17.6*	*17.6*	*20.9*
PDS terkumpul (B)	32.7	-2.3	20.2	5.5	17.1	17.1	21.4
Memoranda							
PDS kasar (termasuk Cagamas)	31.7	6.2	28.7	10.0	113.0	255.0	60.0

* Pinjaman sistem perbankan termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas

kekal rendah. Hasilnya, pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (*private debt securities*, PDS) terkumpul berkembang pada kadar lebih pesat sebanyak 12.7% pada akhir bulan Mac (akhir 2007: 10.7%). Pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta daripada sistem perbankan dan pasaran modal meningkat pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 17.4% susulan pengembangan ketara pada suku keempat 2007 (S4 2007: 34.9%). Ini mencerminkan terbitan PDS yang besar oleh sebuah firma untuk membiayai semula pinjaman penyambung yang ditandatangani terlebih dahulu pada tahun 2007.

Paling ketara, pinjaman terkumpul bertambah dengan nyata sebanyak 10% pada akhir bulan Mac (akhir 2007: 8.6%). Pertumbuhan nyata ini disebabkan oleh pinjaman terkumpul bagi sektor perniagaan dan sektor isi rumah yang masing-masing berkembang pada kadar tahunan lebih tinggi sebanyak 11.6% dan 8% (akhir 2007: masing-masing 10.4% dan 7.4%).

Prestasi pinjaman yang menggalakkan disokong oleh pertumbuhan kukuh dalam pengeluaran pinjaman. Pengeluaran pinjaman adalah menyeluruh, khususnya pembiayaan yang disalurkan kepada PKS yang meningkat secara konsisten sejak tahun 2005 dan kini mencakupi 26.6% daripada jumlah pengeluaran pinjaman (S4 2007: 25%). Bagi sektor isi rumah, dana diagihkan terutamanya untuk pembelian harta kediaman, kereta penumpang dan penggunaan peribadi.

Memandangkan tiada aktiviti penyatuan dan pengambilalihan berskala besar, permohonan dan kelulusan pinjaman kembali ke paras lebih sederhana. Walau bagaimanapun, pada asas tahunan, permohonan dan kelulusan pinjaman terus mencatat pertumbuhan yang kukuh.

Pemberian Pinjaman Bank kepada PKS



Penunjuk Pinjaman

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)			
	2007	S1 07	S4 07	S1 08	2007	S1 07	S4 07	S1 08
Jumlah								
Permohonan pinjaman	457.5	83.5	131.2	112.1	52.1	21.5	71.0	34.2
Kelulusan pinjaman	298.6	53.1	87.9	72.1	58.6	20.4	77.1	35.7
Pengeluaran pinjaman	575.9	129.2	150.7	151.4	10.8	-1.4	18.5	17.2
Bayaran balik pinjaman	518.6	118.0	153.8	138.8	8.4	-0.1	25.6	17.6
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	51.2	8.5	-0.7	17.4	8.6	6.2	8.6	10.0
Antaranya:								
Perusahaan perniagaan**								
Permohonan pinjaman	262.6	44.9	77.3	56.5	63.1	24.2	87.3	25.8
Kelulusan pinjaman	181.5	29.8	56.7	38.5	88.4	39.5	101.8	29.0
Pengeluaran pinjaman	406.3	90.3	105.6	106.3	9.9	-3.9	17.8	17.7
Bayaran balik pinjaman	370.1	81.6	115.0	97.4	5.3	-6.2	30.2	19.3
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	24.6	4.2	-9.9	7.6	10.4	6.1	10.4	11.6
PKS**								
Permohonan pinjaman	99.1	20.4	26.0	24.6	38.8	55.2	31.5	20.5
Kelulusan pinjaman	55.1	10.7	13.9	12.4	37.1	36.1	17.0	16.0
Pengeluaran pinjaman	141.5	33.0	37.6	40.3	5.5	10.8	13.3	22.3
Bayaran balik pinjaman	126.6	29.3	34.5	35.1	3.4	16.0	10.1	19.8
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	9.5	2.7	2.3	4.6	9.1	6.0	9.1	10.7
Syarikat besar								
Permohonan pinjaman	163.5	24.5	51.3	31.9	82.4	6.5	138.7	30.1
Kelulusan pinjaman	126.4	19.2	42.9	26.1	125.2	41.6	163.6	36.2
Pengeluaran pinjaman	264.8	57.3	68.1	66.0	12.4	-10.8	20.4	15.1
Bayaran balik pinjaman	243.5	52.3	80.5	62.3	6.3	-15.3	41.3	19.1
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	15.1	1.5	-12.3	2.9	11.4	6.2	11.4	12.3
Isi rumah								
Permohonan pinjaman	194.9	38.6	53.9	55.6	39.4	18.4	51.9	44.0
Kelulusan pinjaman	117.1	23.3	31.2	33.6	27.3	2.3	44.8	44.4
Pengeluaran pinjaman	169.6	38.9	45.0	45.1	12.9	5.0	20.2	16.0
Bayaran balik pinjaman	148.5	36.4	38.8	41.4	17.3	17.0	13.8	13.9
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	24.5	3.9	6.7	6.2	7.4	7.7	7.4	8.0

* Pertumbuhan tahunan adalah untuk akhir tempoh
** Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pinjaman Mengikut Sektor

	Pengeluaran pinjaman					Pinjaman terkumpul
	Pada tempoh				Bahagian drpd. jumlah	Bahagian drpd. jumlah
	2007	S1 07	S4 07	S1 08		
	(RM billion)				(%)	
Perusahaan perniagaan	**406.3**	**90.3**	**105.6**	**106.3**	**70.2**	**40.7**
Syarikat besar	264.8	57.3	68.1	66.0	43.6	22.7
PKS*	141.5	33.0	37.6	40.3	26.6	18.0
Sektor terpilih						
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	14.1	3.1	3.6	3.7	2.4	2.2
Perlombongan dan kuari	2.0	0.3	0.7	0.5	0.3	0.2
Perkilangan	135.1	32.5	35.3	36.2	23.9	11.6
Pembinaan	32.6	7.6	8.4	9.3	6.1	5.1
Harta tanah	12.3	2.4	3.6	4.1	2.7	3.3
Bekalan elektrik, gas dan air	1.3	0.3	0.4	0.8	0.5	0.7
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	91.9	20.5	25.8	25.2	16.6	8.7
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	32.2	2.5	5.6	2.7	1.8	2.3
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	45.7	10.3	11.9	14.3	9.5	6.3
Isi rumah	**169.6**	**38.9**	**45.0**	**45.1**	**29.8**	**54.7**
Pembelian harta kediaman	39.9	8.5	11.1	10.5	6.9	26.1
Kredit penggunaan	109.5	25.4	29.3	29.4	19.4	22.0
Antaranya:						
Kad kredit	*57.9*	*13.7*	*15.4*	*14.7*	*9.7*	*3.4*
Pembelian kereta penumpang	*27.8*	*6.4*	*7.4*	*8.4*	*5.6*	*14.4*
Lain-Lain	20.2	5.1	4.6	5.3	3.5	6.6
Jumlah	**575.9**	**129.2**	**150.7**	**151.4**	**100.0**	**100.0**

* Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan lebih besar daripada pasaran modal

Jumlah dana bersih yang diperoleh daripada sektor awam dan swasta lebih tinggi dengan ketara sebanyak RM12.4 bilion (S4 2007: +RM567 juta).

Sektor awam memperoleh dana kasar sebanyak RM16.3 bilion melalui terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) 5 tahun, MGS boleh panggil 3 tahun, dua pembukaan semula MGS 3 tahun dan 10 tahun serta satu terbitan baharu Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issues, GII). Setelah membuat pelarasan bagi penebusan, dana bersih yang diperoleh sektor awam lebih tinggi, sebanyak RM10.6 bilion.

Bagi sektor swasta, dana kasar yang diperoleh daripada pasaran PDS menjadi sederhana kepada RM10 bilion pada suku pertama (S4 2007: RM28.7 bilion). Pada suku ini, empat syarikat multinasional dan separa berdaulat bukan pemastautin juga membuat terbitan berjumlah RM3.5 bilion dalam pasaran modal Malaysia. Pada asas bersih, dana yang diperoleh melalui pasaran PDS berjumlah RM700 juta pada suku pertama.

Dana yang diperoleh melalui pasaran ekuiti lebih rendah pada suku pertama, iaitu sebanyak RM1.1 bilion. Sebanyak RM232 juta diperoleh melalui tujuh tawaran awam awal (*initial public offerings*, IPO); empat di Papan Kedua dan tiga di MESDAQ, manakala selebihnya diperoleh melalui terbitan hak dan waran.

Urus niaga sekunder lebih tinggi dalam pasaran bon

Jumlah urus niaga pasaran sekunder meningkat kepada RM102.3 bilion pada suku pertama (S4 2007: RM79.6 bilion). Sekuriti Kerajaan (MGS dan GII) merangkumi 80% daripada jumlah urus niaga, diikuti oleh sekuriti hutang swasta sebanyak 19% daripada jumlah urus niaga. Dari segi mudah tunai, MGS merupakan kertas paling cair, mencatat nisbah kecairan sebanyak 0.38, diikuti oleh GII dengan nisbah kecairan sebanyak 0.18.

Dana yang Diperoleh dalam Pasaran Modal

	2006	2007			2008
	Tahun	S1	S4	Tahun	S1
	RM juta				
Oleh Sektor Awam	**20,919**	**7,431**	**(5,946)**	**25,178**	**10,633**
Sekuriti Kerajaan, *bersih*	23,480	8,809	(5,552)	27,187	10,633
Sekuriti Kerajaan Malaysia	*26,830*	*10,109*	*14,048*	*43,187*	*14,283*
Terbitan Pelaburan Kerajaan	*9,500*	*3,500*	-	*10,000*	*2,000*
Tolak: Penebusan	*12,850*	*4,800*	*19,600*	*26,000*	*5,650*
Khazanah Bon, *bersih*	(630)	(1,020)	-	(496)	-
Bon Simpanan Merdeka, *bersih*	(1,931)	(358)	(394)	(1,513)	-
Oleh Sektor Swasta	**9,284**	**2,318**	**6,513**	**20,300**	**1,802**
Saham	1,916	1,126	3,819	7,126	1,101
Sekuriti Hutang, *bersih*	7,368	1,192	2,694	13,174	700
Sekuriti Hutang Swasta	*31,737*	*6,232*	*28,746*	*67,606*	*9,969*
Cagamas	*7,150*	*1,350*	-	*1,750*	-
Tolak: Penebusan	*31,519*	*6,390*	*26,052*	*56,182*	*9,268*
Jumlah	**30,203**	**9,749**	**567**	**45,478**	**12,435**

Terbitan PDS Mengikut Tujuan (% daripada jumlah)



Nisbah Mudah Tunai: Urus Niaga / Nilai Terkumpul



Arah Aliran Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Prestasi Pasaran Global dan Serantau Terpilih (31 Disember 2007 - 31 Mac 2008)



Pada bulan Januari 2008, kadar hasil tanda aras MGS menurun dengan ketara antara 16 – 49 mata asas. Anjakan ke bawah keluk kadar hasil disebabkan terutamanya oleh pembinaan semula portfolio oleh para pelabur pada awal tahun dan pengukuhan ringgit yang mempengaruhi momentum pembelian dalam pasaran. Walau bagaimanapun, sejak pertengahan bulan Februari, kadar hasil MGS beransur-ansur meningkat, terutamanya yang bertempoh matang lebih lama berikutan kebimbangan mengenai inflasi dalam negeri yang lebih tinggi. Pada keseluruhannya, spread kadar hasil suku tahunan bagi MGS 3 tahun, 5 tahun dan 10 tahun, masing-masing menurun sebanyak 20, 26 dan 34 mata asas.

KLCI terjejas berikutan perkembangan dalam kewangan global

Pada suku pertama, pasaran saham Kuala Lumpur bermula dengan positif apabila KLCI meningkat ke paras tertinggi baharu 1,516.2 mata pada 11 Januari 2008 disebabkan oleh prestasi kukuh sektor perladangan berikutan harga minyak sawit mentah yang lebih tinggi. KLCI kemudiannya menjadi lemah seiring dengan pasaran ekuiti serantau ekoran kebimbangan yang tercetus semula mengenai keseriusan kelembapan ekonomi AS dan perkembangan dalam negeri. Walau bagaimanapun, berikutan pelaksanaan beberapa langkah dasar oleh Federal Reserve AS untuk melegakan keadaan mudah tunai yang ketat dalam pasaran kredit dan penurunan kumulatif kadar *Fed Funds* sebanyak 200 mata asas pada suku pertama, sedikit sebanyak telah mengembalikan kestabilan pasaran ekuiti global. KLCI mengakhiri suku pertama pada 1,247.5 mata (sejak akhir 2007: -13.7%). Permodalan pasaran lebih rendah pada RM952.3 bilion (sejak akhir 2007: -13.9%), manakala aktiviti urus niaga berkurang kepada urus niaga purata harian 930.4 juta unit (sejak akhir 2007: -26.7%).

Pada 26 Mei 2008, KLCI ditutup pada 1,273.4 mata (sejak akhir 2007: -11.9%), dengan permodalan pasaran yang lebih rendah, pada RM971.4 bilion (sejak akhir 2007: -12.2%).

Bursa Malaysia: Penunjuk Pasaran Terpilih

	Pada akhir			
	2007			2008
	S1	S4	Tahun	S1
Pada akhir				
Komposit	1,246.9	1,445.0	1,445.0	1,247.5
FBM30[1]	7,924.6	9,343.7	9,343.7	8,232.9
FBMEMAS[2]	8,332.8	9,810.8	9,810.8	8,423.7
Papan Kedua	99.3	-	-	-
Mesdaq	138.5	-	-	-
FTSE Papan Kedua	-	6,732.4	6,732.4	5,884.6
FTSE Mesdaq	-	6,109.2	6,109.2	4,923.2
Urus niaga harian purata				
Jumlah (juta unit)	2,078.5	1,268.5	1,548.4	930.4
Nilai (RM juta)	2,765.7	1,898.7	2,345.7	2,035.2
Permodalan pasaran (RM bilion)	985.1	1,106.2	1,106.2	952.3
Bilangan syarikat yang disenaraikan	1,023	987	987	989

[1] FBM30 mewakili FTSE Bursa Malaysia 30 Indeks
[2] FBMEMAS mewakili FTSE Bursa Malaysia Emas Indeks

Sumber: Bursa Malaysia

Bursa Malaysia: Urus Niaga Sekuriti Korporat

	2007						2008	
	S1		S4		Tahun		S1	
	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta
Urus niaga	123,632	164,163	78,648	117,720	382,846	579,684	53,982	145,481
Antaranya:								
Papan Utama	90,866	144,661	50,667	106,134	270,525	519,033	36,488	137,875
Antaranya:								
Produk Pengguna	1,959	5,130	1,752	4,777	7,790	20,344	931	4,627
Produk Industri	9,174	12,524	4,906	8,213	29,512	44,796	3,409	9,086
Pembinaan	7,688	17,770	3,486	9,748	22,772	57,378	4,722	15,929
Dagangan/Khidmat	20,975	46,296	15,545	38,069	72,166	177,366	10,383	48,862
Kewangan	9,316	28,825	3,728	17,445	23,623	89,857	3,391	26,425
Harta Benda	16,818	12,045	7,300	7,814	50,140	48,528	4,234	6,386
Perladangan	1,451	8,639	2,177	9,658	7,509	37,186	2,262	17,449
Infrastruktur	1,685	3,612	1,408	4,694	6,278	15,375	1,148	4,534
Papan Kedua	8,762	5,214	7,254	4,707	34,671	23,765	4,118	3,689
Mesdaq	17,731	8,846	6,139	3,050	43,098	23,691	5,621	2,845

Sumber: Bursa Malaysia

Perkembangan Kadar Pertukaran

Ringgit mengalami pergerakan dua hala yang lebih besar pada suku pertama, mencerminkan aliran portfolio yang turun naik ekoran reaksi para pelabur terhadap berita yang berkaitan dengan kegawatan pasaran kewangan antarabangsa dan penilaian semula kedudukan mereka akibat kebimbangan bahawa kelembapan ekonomi AS akan memberikan kesan limpahan terhadap rantau ini. Trend menaik ringgit berbanding dengan dolar AS pada tempoh ini juga disokong oleh sentimen positif para pelabur terhadap ekonomi Malaysia berikutan pengumuman kadar pertumbuhan KDNK yang kukuh bagi 2007 pada 27 Februari 2008. Ia juga mencerminkan kelemahan dolar AS ekoran asas-asas ekonomi AS yang semakin merosot. Pada suku pertama, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS sebanyak 3.7% dan paun sterling sebanyak 3.9%, tetapi menyusut nilai berbanding dengan yen Jepun dan euro, masing-masing sebanyak 7.5% dan 3.2%. Ringgit juga mencatat prestasi bercampur-campur berbanding dengan mata wang serantau pada suku ini, menambah nilai berbanding dengan won Korea (10.0%), peso Filipina (4.9%) dan rupiah Indonesia (1.9%) tetapi menyusut nilai berbanding dengan baht Thailand (-2.9%), dolar Singapura (-0.7%) dan renminbi China (-0.4%).

Ringkasan Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih Peratus Perubahan (1 Januari - 31 Mac 2008)



Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Utama



Prestasi Ringgit Berbanding Dengan Mata Wang Terpilih

RM bagi satu unit mata wang asing	Pada akhir tempoh				% perubahan sejak*		
	21 Jul 05	S1 07	S4 07	S1 08	21 Jul 05	S1 07	S4 07
Dolar AS	3.8000	3.4560	3.3065	3.1875	19.2	8.4	3.7
Euro	4.6212	4.6105	4.8756	5.0369	-8.3	-8.5	-3.2
Paun sterling	6.6270	6.7867	6.6070	6.3586	4.2	6.7	3.9
100 yen Jepun	3.3745	2.9339	2.9534	3.1912	5.7	-8.1	-7.5
Dolar Singapura	2.2570	2.2781	2.2938	2.3102	-2.3	-1.4	-0.7
100 baht Thailand	9.0681	9.8785	9.8159	10.108	-10.3	-2.3	-2.9
100 peso Filipina	6.8131	7.1649	8.0158	7.6421	-10.8	-6.2	4.9
100 rupiah Indonesia	0.0386	0.0379	0.0352	0.0346	11.6	9.6	1.9
100 won Korea	0.3665	0.3674	0.3532	0.3211	14.1	14.4	10.0
Renminbi China	0.4591	0.4471	0.4527	0.4545	1.0	-1.6	-0.4

*(+) menunjukkan pengukuhan nilai ringgit berbanding dengan mata wang berkenaan dan (-) menunjukkan penyusutan nilai

Pada tempoh 1 April hingga 27 Mei 2008, ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar AS (-1.9%), euro (-1.8%) dan paun sterling (-1.2%), tetapi menambah nilai berbanding dengan yen Jepun (1.5%). Ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding dengan mata wang serantau, menambah nilai berbanding dengan won Korea (3.2%), peso Filipina (2.8%) dan baht Thailand (0.6%), namun menyusut nilai berbanding dengan dolar Singapura (-3.2%), renminbi China (-2.9%) dan rupiah Indonesia (-0.4%).

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Serantau



PERKEMBANGAN SEKTOR PERBANKAN

Sektor perbankan terus memperlihatkan daya tahan yang kukuh pada suku pertama 2008, disokong oleh permodalan dan keberuntungan yang kukuh. Bersama-sama dengan penurunan paras pinjaman tak berbayar (*non-performing loans*, NPL) yang berterusan, institusi perbankan berada pada kedudukan yang teguh untuk terus menyokong aktiviti ekonomi.

Permodalan sistem perbankan terus kukuh

Nisbah modal wajaran risiko (*risk-weighted capital ratio*, RWCR) dan nisbah modal teras (*core capital ratio*, CCR) sistem perbankan, masing-masing pada 13.2% dan 10.2%, berikutan pelaksanaan Pendekatan *Standardised* Basel II (Basel II Standardised Approach) mulai 1 Januari 2008. Pada suku pertama, modal asas berkembang 3.5% ekoran penubuhan sebuah subsidiari perbankan Islam dan sebuah bank pelaburan serta terbitan hutang subordinat.

Sistem Perbankan: Kedudukan Modal

	2007				2008
	S1	S2	S3	S4	S1
Modal					
CCR (%)	10.4	10.8	10.3	10.2	10.2
RWCR (%)	13.1	13.9	13.2	13.2	13.2

Keberuntungan mampan daripada pelbagai sumber pendapatan

Pada suku pertama, sistem perbankan mencatat pertumbuhan 7.1% bagi keuntungan sebelum cukai yang belum teraudit (*pre-tax profit*, PBT), kepada RM5.7 bilion (S4 2007: RM5.3 bilion). Paras PBT terus stabil disebabkan oleh hasil yang terus dijana daripada aktiviti berkaitan dengan pembiayaan dan perkhidmatan pengurusan kekayaan. Hasilnya, pulangan tahunan purata atas aset dan ekuiti bertambah baik, masing-masing kepada 1.8% (S4 2007: 1.5%) dan 23.5% (S4 2007: 19.8%).

Paras NPL terus menurun

Paras NPL sistem perbankan terus bertambah baik pada suku pertama. Jumlah NPL bersih berasaskan klasifikasi 3 bulan terus menurun 5.2% kepada RM19 bilion (S4 2007: RM20.1 bilion) untuk mencakupi 3% daripada jumlah pinjaman bersih (S4 2007: 3.2%). Ini disebabkan terutamanya oleh kutipan balik pinjaman dan pengelasan semula NPL menjadi status berbayar serta hapus kira yang berterusan pada suku pertama. Nisbah NPL terus bertambah baik kepada 2.9% pada 30 April 2008.

Sistem Perbankan: Pinjaman Tak Berbayar



Seminar Kewangan Islam Anjuran Bersama Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam dan Pihak Berkuasa Monetari Hong Kong "Ke Arah Meraih Potensi Pertumbuhan Global Kewangan Islam" Hong Kong, 15 Januari 2008

Ucapan oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Saya amat berbangga dan berbesar hati kerana dapat berada di Hong Kong hari ini untuk berucap di seminar tentang Kewangan Islam anjuran bersama Pihak Berkuasa Monetari Hong Kong dan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam. Kewangan Islam kini berada di ambang dimensi baharu. Ia kini semakin berpotensi untuk mengukuhkan hubungan kewangan antarabangsa antara negara. Dan dengan cara ini, kewangan Islam akan menyumbang ke arah pengagihan sumber kewangan yang lebih optimum merentas sempadan. Hong Kong, dengan infrastruktur kewangannya yang canggih dan tahap kepakaran sektor kewangannya yang tinggi, mempunyai potensi yang besar untuk menjadi penghubung yang penting dan rakan yang amat sesuai dalam kegiatan kewangan Islam antarabangsa.

Hari ini genap enam tahun lawatan pertama kami ke Hong Kong, iaitu destinasi pertama kami untuk mempromosikan terbitan sukuk berdaulat yang pertama di dunia. Sambutan hangat yang diterima di Hong Kong amat berkesan hingga mengukir kejayaan terbitan sulung sukuk berdaulat Malaysia bernilai USD600 juta. Terbitan ini telah terlebih langganan melebihi dua kali, dengan satu pertiga daripada pelabur adalah dari rantau ini. Dalam tempoh enam tahun ini, landskap kewangan Islam telah mengalami perubahan yang dramatik untuk menjadi suatu mekanisme pengantaraan global yang memberangsangkan, dinamik dan berdaya saing, dengan disokong oleh lebih daripada 300 institusi kewangan Islam di lebih 75 buah negara. Kewangan Islam juga telah menjadi antara segmen pertumbuhan yang paling pesat dalam industri perkhidmatan kewangan.

Pada peringkat awal perkembangannya, kewangan Islam pada asasnya hanya berpusatkan tempatan dan tertumpu pada pembiayaan runcit, pembiayaan perdagangan dan pembiayaan kegiatan perniagaan komersial lain. Walau bagaimanapun, dua perkembangan baru-baru ini telah mempengaruhi hala tuju pembangunan kewangan Islam selanjutnya. Pertama, langkah mempelbagaikan infrastruktur kewangan domestik untuk mengelakkan kebergantungan yang berlebihan terhadap sektor perbankan, dan kedua, trend ke arah liberalisasi sistem kewangan yang lebih ketara. Kedua-dua trend ini telah merangsang pembangunan pasaran kewangan Islam dan menghasilkan integrasi yang lebih kukuh dalam sistem kewangan antarabangsa, lantas meningkatkan dimensi antarabangsa kewangan Islam.

Persekitaran yang lebih dinamik ini telah memupuk penghasilan spektrum instrumen kewangan Islam yang luas, iaitu daripada instrumen untuk mengurus mudah tunai hinggalah kepada struktur pembiayaan untuk pelaburan mega. Perkembangan ini telah membawa kepada kemunculan sebuah kelas aset baharu. Ia juga telah menarik tahap penyertaan asing yang lebih tinggi dalam pasaran kewangan Islam lantas menghasilkan peningkatan aliran dana merentas sempadan. Ini bukan sahaja telah menyumbang kepada pengukuhan kesalinghubungan kewangan antarabangsa antara negara, malah turut menyumbang ke arah pengagihan sumber kewangan merentas sempadan yang lebih cekap.

Kewangan Islam pada tahun 2008 dan tahun-tahun akan datang dijangka kekal positif meskipun persekitaran kewangan

semasa global adalah mencabar. Daya maju dan daya saing kewangan Islam terbentuk daripada beberapa faktor, iaitu keupayaannya untuk memenuhi permintaan ekonomi yang berubah-ubah, kosnya yang kompetitif dan juga sokongan rangka kerja perundangan, pengawalan dan penyeliaan yang mantap. Akan tetapi faktor yang lebih penting ialah keperluan Syariah kewangan Islam yang asas, yang menyokong daya maju dan kestabilannya.

Syariah merupakan tunggak utama kewangan Islam dan membentuk ciri-ciri kewangan Islam yang unggul. Injunksi Syariah menuntut supaya urus niaga kewangan Islam berlandaskan aktiviti produktif. Dalam kewangan Islam, sentiasa terdapat pertalian yang rapat antara aliran kewangan dengan aliran produktif. Tambahan pula, di bawah prinsip perkongsian risiko yang dituntut, institusi kewangan Islam akan berkongsi keuntungan atau kerugian usahawan. Terdapat perkongsian risiko yang jelas oleh pembiaya dan juga peminjam. Pengaturan ini memerlukan usaha wajar yang bersesuaian dan penyepaduan risiko yang berkaitan dengan kegiatan pelaburan sebenar ke dalam urus niaga kewangan. Dalam pengaturan ini, kegiatan benar dijangkakan menjana keuntungan yang secukupnya untuk menampung risiko yang telah diambil.

Sebaliknya, instrumen kewangan konvensional secara umumnya memisahkan risiko daripada aset sandaran. Hasilnya, pengurusan risiko dan penjanaan kekayaan ada kalanya bergerak dalam arah yang berbeza atau bertentangan. Instrumen kewangan konvensional juga membolehkan risiko dijadikan bahan komoditi, yang menghasilkan peningkatan bilangannya melalui berbilang lapisan aktiviti leveraj dan pengagihan tidak seimbang yang seterusnya boleh meningkatkan lagi risiko sistemik. Ini boleh meningkatkan kemungkinan berlakunya ketidakstabilan dalam sistem kewangan.

Di samping itu, ketelusan merupakan rukun asas bagi semua urus niaga kewangan Islam. Penyedia perkhidmatan kewangan Islam mempunyai tanggungjawab dalam kewangan Islam untuk mematuhi piawai ketelusan yang bersesuaian. Ciri perkongsian keuntungan urus niaga kewangan Islam inilah yang memerlukan tahap penzahiran yang tinggi dalam kontrak kewangan. Kebertanggungjawaban pihak-pihak tertentu yang terlibat dalam urus niaga dinyatakan dengan jelas dalam kontrak tersebut. Ketelusan ini juga menggalakkan institusi kewangan Islam untuk mengurus risiko dengan sewajarnya. Penzahiran ini membolehkan pasaran untuk menetapkan premium risiko yang berpatutan terhadap syarikat-syarikat yang berkenaan, dan sekali gus meningkatkan keupayaan disiplin pasaran untuk berfungsi. Ciri semula jadi ini sebagaimana yang dituntut oleh injunksi Syariah menyediakan sekatan dan imbangan (*check and balance*) yang terbina secara dalaman, yang berperanan memastikan kestabilan kewangan dalam sistem kewangan Islam.

Ciri-ciri ini diperkukuh lagi dengan penghasilan sebuah rejim pengawalan dan penyeliaan yang komprehensif, yang dimantapkan dengan penubuhan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam pada tahun 2002. Penubuhan Lembaga ini juga telah menyumbang kepada pengharmonian pembangunan kewangan Islam merentas pelbagai rantau. Selain itu, institusi pendidikan telah ditubuhkan untuk membangunkan kumpulan tenaga mahir profesional dan kepakaran dalam kewangan Islam bagi menyokong pertumbuhan dan pembangunan kewangan Islam pada masa hadapan.

Evolusi produk kewangan Islam yang canggih yang telah distrukturkan berdasarkan pelbagai konsep Islam telah mewujudkan gelombang baharu inovasi. Produk kewangan Islam ini sudah pun kompetitif dan efisien dari segi struktur produk dan penentuan harga. Inovasi yang lebih terkini termasuk pengenalan dana lindung nilai Islam dan pembentukan indeks tanda aras Islam. Penyenaraian instrumen kewangan Islam di bursa antarabangsa juga telah bertambah. Ini telah memperdalam pasaran kewangan Islam dan menambah daya tarikannya sebagai sebuah kelas aset untuk pelaburan. Kesemua ini telah menjadikan produk perbankan Islam dan takaful semakin canggih seperti diperlihatkan oleh percambahan produk berstruktur dan produk berkaitan pelaburan sejak kebelakangan ini.

Pasaran sukuk sedang pesat berkembang sebagai satu bentuk pembiayaan Islam yang paling penting dan terus menarik minat yang meluas sebagai satu saluran untuk menerbitkan dana dan juga pelaburan. Momentum pertumbuhan pasaran sukuk menjadi semakin pesat dan telah meningkat pada kadar purata 40 peratus setahun. Paling ketara, 90 peratus daripada terbitan sukuk ialah terbitan korporat. Di Malaysia, terbitan sukuk telah mengatasi terbitan bon konvensional selama tiga tahun berturut-turut, dengan nilai jualan tahunan urus niaga sukuk dalam pasaran sekunder sebanyak kira-kira RM135 bilion. Permintaan yang tinggi terhadap sukuk juga telah didorong oleh tahap tabungan dan rizab yang tinggi di Asia dan Timur Tengah.

Sukuk juga merupakan instrumen yang menarik untuk membantu institusi kewangan Islam menguruskan keperluan mudah tunai mereka. Pada masa yang sama, sukuk merupakan instrumen berkesan yang digunakan oleh syarikat, institusi dan kerajaan untuk mendapatkan dana pada kadar yang kompetitif bagi membiayai keperluan dana jangka panjang mereka. Ketika ini, permintaan terhadap sukuk amat memberangsangkan. Permintaan yang tinggi terhadap instrumen sukuk terbukti dengan lebihan langganan antara dua hingga tiga belas kali. Ini telah mengurangkan kos terbitan sekurang-kurangnya 10 hingga 20 mata asas. Permintaan terhadap sukuk datangnya daripada beberapa bahagian dunia, daripada pelabur kewangan konvensional dan pelabur kewangan Islam. Lantaran kurangnya terbitan sukuk, pelabur lebih cenderung untuk memegang sukuk sebagai pelaburan lantas menyebabkan aktiviti sekunder dalam pasaran agak kurang aktif. Ini telah menyebabkan harga sukuk meningkat dalam pasaran sekunder dan seterusnya menjana pulangan pelaburan yang lumayan buat para pelabur. Justeru, sukuk menawarkan tawaran nilai yang positif kepada penerbit dan juga pelabur.

Saya ingin menyentuh pula pengalaman Malaysia dalam kewangan Islam. Malaysia mempunyai pengalaman selama tiga dekad dalam membangunkan sistem kewangan Islam yang komprehensif, yang beroperasi selari dengan sistem konvensional. Antara rangka kerja perundangan yang menyokong termasuklah sebuah perundangan khusus yang mengambil kira prinsip kontrak Islam yang unggul. Infrastruktur perundangan juga merangkumi sistem mahkamah dan mekanisme penimbangtaraan untuk menyelesaikan pertikaian bagi memastikan kontrak berkaitan dengan urus niaga kewangan Islam dikuatkuasakan secara berkesan. Sistem kewangan Islam juga disokong oleh bilangan besar peserta yang pelbagai dalam perbankan, takaful dan pasaran modal. Akhirnya, bagi sebuah sistem dwikewangan, perubahan cukai telah dilaksanakan untuk memberikan layanan yang sama rata antara produk kewangan konvensional dengan produk kewangan Islam. Penubuhan sebuah Majlis Syariah di peringkat kebangsaan adalah penting bagi memastikan pengharmonian keputusan Syariah dalam industri perkhidmatan kewangan Islam.

Industri kewangan Islam di Malaysia telah mengalami transformasi yang pesat dalam lima tahun kebelakangan ini. Rangkaian produk kewangan Islam kini telah berkembang menjadi rangkaian instrumen inovatif yang meluas. Beberapa produk kewangan Islam baharu telah diperkenalkan, termasuk sekuriti bersandarkan gadai janji kediaman, pembiayaan berasaskan komoditi dan juga produk berkaitan pelaburan dan ekuiti yang berasaskan musyarakah, mudarabah dan ijarah.

Sistem kewangan Islam di Malaysia telah berkembang menjadi sebuah komponen yang kompetitif dalam keseluruhan sistem kewangan, melengkapkan sistem kewangan konvensional sebagai pemacu pertumbuhan dan kemajuan ekonomi negara. Malaysia terus menggalakkan peluasan sistem dwiperbankan, dengan sistem kewangan Islam dan konvensional beroperasi selari dalam menyediakan produk dan perkhidmatan kewangan yang inovatif dan berdaya saing. Lebih terkini, liberalisasi industri perkhidmatan kewangan Islam yang semakin pesat telah meningkatkan kehadiran dan penyertaan asing dalam sistem kewangan Islam

domestik Malaysia. Ini telah mewujudkan peserta yang lebih pelbagai dalam sistem kami. Pasaran bon Malaysia juga telah diliberalkan untuk membolehkan entiti asing menerbitkan dana dalam denominasi ringgit dan mata wang asing dalam pasaran domestik. Berikutan perkembangan ini, Malaysia kini memasuki fasa baharu dalam pembangunan sistem kewangan Islam, dengan inisiatif baharu untuk mempromosikan Malaysia sebagai sebuah Pusat Kewangan Islam Antarabangsa. Ini bertujuan mengukuhkan kesalinghubungan ekonomi dan kewangan Malaysia dan seterusnya menggalakkan perdagangan dan pelaburan merentas sempadan yang lebih giat. Justeru, kami kini sedang memasuki fasa baharu pembangunan kewangan Islam di Malaysia memandangkan ia menjadi lebih bersepadu dengan sistem kewangan antarabangsa.

Berdasarkan permintaan terhadap produk dan perkhidmatan kewangan Islam yang amat menggalakkan, beberapa negara dan pusat kewangan semakin aktif mengambil bahagian dalam industri ini. Sesungguhnya kumpulan yang bakal menerajui pada peringkat global ialah mereka yang memiliki gabungan kekuatan keupayaan dan sumber di samping kemampuan untuk mendapatkan keyakinan masyarakat kewangan Islam antarabangsa. Berlatarbelakangkan persekitaran yang semakin kompetitif inilah potensi kekuatan dua hala dan pelbagai hala akan menjadi penting dalam menguruskan industri perkhidmatan kewangan Islam yang kompleks dan mempunyai kekangan.

Peningkatan minat beberapa pusat kewangan, bersama-sama dengan hubungan antarabangsa mereka akan menyumbang ke arah mewujudkan sistem kewangan Islam antarabangsa yang lebih bersepadu. Contohnya, Hong Kong yang mempunyai infrastruktur dan keupayaan untuk memudahkan penawaran produk yang akan merangkaikan hubungan kewangan serantau dan antarabangsa. Kerjasama strategik dalam kalangan peserta kewangan Islam akan menjadi pemangkin yang akan membuka ruang potensi kewangan Islam serantau dan global.

Di Asia Tenggara sahaja terdapat potensi besar dalam pasaran yang boleh dimanfaatkan. Pasaran ini bukan sahaja mempunyai 217 juta penduduk Islam malah juga menjangkaui masyarakat bukan Islam dan komuniti negara asing yang beroperasi dalam rantau ini. Rantau ini semakin pesat berkembang menjadi sebuah destinasi pelaburan, termasuk bagi pelabur dari Timur Tengah. Pada tahun 2006, rantau Asia Pasifik telah mengatasi Eropah sebagai rantau kedua terbesar bagi pelaburan dari GCC (Gulf Cooperation Council) dengan pelaburan sebanyak USD460 bilion.

Inisiatif khusus terkini untuk meningkatkan pasaran pensekuritian oleh Cagamas Berhad dengan pewujudan sebuah syarikat usaha sama the Malaysian Mortgage Corporation dan Hong Kong Mortgage Corporation untuk menyediakan sebuah program jaminan gadai janji bagi gadai janji Islam dan konvensional di Malaysia, merupakan satu contoh kerjasama. Ini boleh menjadi pemangkin kepada inisiatif yang sama pada masa hadapan.

Institusi kewangan konvensional juga boleh menjalinkan kerjasama dengan institusi kewangan Islam untuk menjadi pengatur bersama bagi menstrukturkan sukuk atau produk kewangan Islam lain berasaskan aset yang berlandaskan Syariah dalam rantau ini. Ketersediaan pelbagai aset sedemikian dan keperluan pembiayaan yang besar bagi sektor pertumbuhan baharu dalam rantau ini, seperti di China, Indonesia dan Vietnam, akan menarik dana daripada negara yang mempunyai lebihan dana seperti dari negara-negara Teluk. Usaha juga boleh ditumpukan pada pemudahan penyenaraian silang sukuk di pelbagai negara. Di samping itu, daya maju pembentukan Asian Sukuk Fund sebagai lanjutan kepada Asian Bond Fund juga boleh dikaji dengan lebih lanjut.

Bakal penerbit boleh menggunakan platform sukuk Malaysia dan kekuatannya sebagai pusat penerbit sukuk terbesar di dunia yang bernilai lebih daripada **USD56 bilion** atau **62%** daripada terbitan sukuk dunia. Malaysia merupakan pasaran sukuk primer yang paling

aktif, dengan pertumbuhan tahunan purata sebanyak 17% antara tahun 2001-2006. Malaysia juga mempunyai pasaran sekunder yang paling aktif dengan nilai jualan tahunan urus niaga sukuk sebanyak lebih daripada USD40 bilion. Penerbit antarabangsa yang diberikan penarafan yang baik akan mendapat manfaat daripada prosedur terbitan yang lebih mudah. Ini sebagai tambahan kepada keupayaan untuk menerbitkan sukuk dalam pelbagai mata wang dan kefleksibelan untuk menukar dana dalam ringgit ke dalam mata wang lain bagi membolehkan penerbit asing memanfaatkan premium harga terbitan sukuk dalam denominasi ringgit.

Satu lagi bidang kerjasama ialah penggunaan perkhidmatan pihak ketiga (*outsourcing*), penggunaan perkhidmatan dalaman (*in-sourcing*) atau pun perkhidmatan atau produk yang tidak diketahui pengeluarnya tetapi diberi penjenamaan tertentu oleh syarikat yang memasarkannya (*white labelling*). Kesemua mekanisme ini bukan sekadar berperanan sebagai saluran untuk mengurangkan kos menjalankan perniagaan, mencapai ekonomi ikut bidangan dan menghindarkan penggunaan sumber secara bertindih, akan tetapi ia juga memberikan tumpuan sepenuhnya kepada peserta untuk membangunkan perniagaan kewangan Islam yang baru diterokai. Pengalaman Malaysia dalam operasi kewangan Islam dan reka bentuk produk boleh dimanfaatkan untuk merangka penyelesaian menyeluruh secara sistematik yang boleh ditawarkan kepada peserta lain.

Melangkah ke hadapan, kewangan Islam sebagai sebuah industri baharu memerlukan lebih banyak inisiatif untuk meluaskan parameter perniagaan dan penawaran produk inovatif. Terdapat keperluan untuk menjalankan penyelidikan mendalam mengenai isu-isu Syariah yang berkaitan dengan pengurangan risiko, pengurusan mudah tunai dan perlindungan nilai. Gabungan pengetahuan pasaran dan kefahaman yang mendalam daripada institusi pendidikan dan latihan seperti Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa di Malaysia (International Centre for Education in Islamic Finance, INCEIF) boleh memberikan sumbangan bermakna kepada industri kewangan Islam global yang menangani hal keperluan pasaran dan pematuhan terhadap Syariah. Selain itu, program utama INCEIF, iaitu Chartered Islamic Finance Professional (CIFP) menawarkan program pensijilan profesional dalam kewangan Islam yang pertama di dunia untuk melahirkan kumpulan tenaga mahir dalam kewangan Islam.

Akhir kata, saya ingin merumuskan bahawa industri kewangan Islam sesungguhnya telah berkembang daripada sebuah wadah berasaskan kepercayaan kepada sebuah industri berpacukan perniagaan untuk semua golongan masyarakat. Dengan jumlah aset kewangan Islam global hanya mencakupi 40% daripada aset bank konvensional terbesar dan dengan hanya 300 peserta berbanding dengan 23,000 peserta konvensional di seluruh dunia, tekanan persaingan dalam melangkah ke hadapan mungkin menjadi lebih sengit. Akan tetapi, dengan kekuatan kewangan Islam dan potensinya untuk menyatukan bahagian dunia yang berbeza yang mempunyai dana lebihan dan sedang mencari peluang pelaburan, dengan pihak yang memerlukan pembiayaan, akan melimpahkan peluang besar yang boleh diraih daripada kewangan Islam. Gabungan usaha dan jalinan kerjasama akan merintis jalan ke arah kemajuan yang saling memperkukuh yang akan menyumbang kepada keseluruhan sistem kewangan antarabangsa dan juga kemakmuran ekonomi global.

Majlis Pelancaran Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan
Kuala Lumpur, 28 Januari 2008

Ucapan Perasmian oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Saya amat berbesar hati kerana dapat mengalu-alukan kedatangan anda ke majlis pelancaran Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan International Business and Financial Centre, Labuan IBFC). Dekad ini telah menyaksikan Pusat Kewangan Luar Pesisir Labuan membuktikan keupayaannya untuk membuat penyesuaian dan pembaharuan dalam persekitaran antarabangsa dan serantau yang pantas berubah. Dekad ini juga telah menyaksikan kekukuhan dan daya tahan Pusat Kewangan Luar Pesisir Labuan sebagaimana yang dibuktikan oleh keupayaannya untuk terus berkembang dan mencapai kemajuan meskipun dalam tempoh yang paling mencabar.

Namun, pasaran global dan serantau terus berubah dan membawa bersama-samanya peluang dan cabaran baharu. Bagi membolehkan kami mempunyai keupayaan untuk berubah demi meraih manfaat daripada peluang baharu tersebut dan untuk memenuhi permintaan dan cabaran yang baru muncul, penilaian semula secara berterusan adalah perlu untuk mencari semula hala tuju baharu, membina kekuatan dan kelebihan berbanding baharu selain mentakrifkan semula peranan kami dalam pasaran yang sentiasa berubah dan semakin kompetitif. Hari ini kami mendefinisikan sebuah permulaan baharu buat Pusat Kewangan Luar Pesisir Labuan untuk memainkan peranan yang lebih besar. Kehadiran anda hari ini untuk sama-sama memeriahkan majlis yang bermakna ini sesungguhnya amat dihargai.

Dalam menyediakan suatu rangkaian perkhidmatan kewangan yang komprehensif, Labuan menawarkan penyelesaian kewangan yang menyeluruh bagi kewangan konvensional dan kewangan Islam. Labuan juga menjadi tempat beroperasinya institusi kewangan terkemuka dari lebih 80 buah negara, termasuk institusi kewangan Islam dari pelbagai pelosok dunia. Pusat Kewangan Luar Pesisir Labuan telah menyaksikan pengembangan yang pesat dari segi jumlah peserta, kepelbagaian produk kewangan yang ditawarkan serta jumlah dan kepelbagaian aktiviti.

Labuan juga kini telah menjadi pusat perniagaan serantau yang berkembang pesat dan sedang mencipta nama sebagai pangkalan serantau bagi industri minyak dan gas serta entreport bagi segi tiga serantau Brunei-Sabah-Filipina. Kedudukan Labuan yang strategik dan pelabuhan dalamnya yang sangat baik merupakan kelebihan semula jadinya. Lapangan terbangnya yang moden, yang telah ditambah baik juga telah meningkatkan kegiatan pelancongan. Status Labuan sebagai zon bebas cukai dan juga pelabuhan bebasnya turut menyokong kesemua aktiviti tersebut. Pertumbuhan dalam aktiviti komersial dan ekonomi sebegini telah menambahkan potensi Labuan untuk berjaya sebagai pusat perniagaan dan kewangan antarabangsa.

Sesungguhnya Labuan telah mendapat manfaat daripada kedudukannya di tengah-tengah rantau Asia Pasifik, iaitu salah sebuah rantau yang paling pantas pertumbuhannya di dunia. Rantau Asia juga merupakan antara yang paling terbuka di dunia dari segi perdagangan antarabangsa dan pelaburan. Fenomena yang lebih terkini ialah peningkatan perdagangan dan pelaburan intrarantau yang melahirkan integrasi ekonomi serantau yang lebih padu. Ini diperkukuh lagi oleh peningkatan aliran pelaburan dari Timur Tengah ke Asia. Pada

tahun 2006, Asia Pasifik mengatasi Eropah sebagai rantau kedua terbesar bagi pelaburan daripada Gulf Cooperation Council (GCC) dengan pelaburan sebanyak USD460 bilion.

Meskipun terdapat kegawatan kewangan semasa dalam sistem kewangan antarabangsa, asas-asas yang kukuh di rantau ini, termasuk jumlah permintaan serantau, integrasi serantau yang lebih padu dan tarikan rantau ini yang lebih besar sebagai destinasi pelaburan, terus menyediakan peluang yang besar bagi Labuan sebagai pusat perniagaan dan kewangan.

Labuan berada pada kedudukan yang amat baik untuk merebut peluang-peluang perniagaan ini. Kunci kejayaan sesebuah pusat perniagaan dan kewangan ialah daya saing, kemudahan dan kecekapan kos menjalankan perniagaan serta hubungan dan juga keyakinan terhadap pusat tersebut. Kerajaan Malaysia memberi komitmen yang tinggi bagi memastikan Labuan memiliki kesemua elemen ini. Pelaburan yang besar telah dibuat untuk menyediakan infrastruktur fizikal dan kemudahan di Labuan termasuk penyediaan rangkaian komunikasi moden serta kemudahan perniagaan dan pendidikan untuk menyokong peranan yang diberikan kepada Labuan sebagai pusat perniagaan dan kewangan antarabangsa. Baru-baru ini, lapangan terbang antarabangsa Labuan telah dinaikkan taraf dan dasar langit terbuka juga telah diterima pakai untuk meningkatkan akses ke pulau ini. Kemudahan pelabuhan laut dalamnya juga telah ditambah baik.

Namun, peningkatan akses bukan hanya bagi akses fizikal tetapi juga akses yang mudah kepada pasaran kewangan lain. Ini memerlukan infrastruktur yang membolehkan pengendalian yang cekap bagi transaksi kewangan antarabangsa. Pengantara kewangan perlu berupaya untuk mendapat akses yang mudah bagi mengambil bahagian dalam pasaran kewangan lain. Untuk membantu pencapaian matlamat ini dan juga menggalakkan kos yang kompetitif di Labuan, Labuan turut disokong oleh rejim pengawalseliaan seimbang yang mengawal selia pasaran secara berkesan sambil pada masa yang sama, membantu pembangunan pasaran. Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan atau LOFSA (Labuan Offshore Financial Services Authority) yang ditubuhkan sepuluh tahun yang lalu bukan sahaja untuk melaksanakan sebuah rejim pengawalseliaan dan pengawasan yang berkesan, tetapi juga untuk menumpukan pada pembangunan dan pemudahan pasaran. Untuk memastikan persekitaran perniagaan kondusif yang berterusan, Labuan juga disokong oleh sebuah rangka kerja perundangan yang mantap, termasuk undang-undang amanah. Meskipun Labuan telah melaksanakan rejim percukaian yang mesra perniagaan, ia tidak pernah dianggap sebagai pusat kewangan rendah cukai. Sebaliknya, Labuan telah memanfaatkan kekuatan dan kelebihannya yang unik untuk memenuhi keperluan pasaran.

Melangkah ke hadapan, beberapa program akan dimulakan. Labuan IBFC berazam untuk mencapai status sebagai “standard emas untuk operasi syarikat induk”. Ini dikenal pasti sebagai satu lagi pemacu perniagaan bagi Labuan IBFC. Rangkaian perjanjian cukai Malaysia yang meluas dengan lebih 63 buah negara di samping pengenalan rangka kerja percukaian yang lebih fleksibel menyokong inisiatif ini. Selain itu, Bajet 2008 juga mengumumkan bahawa syarikat luar pesisir yang berdaftar di Labuan kini boleh memilih untuk dikenakan cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 ataupun Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990 lantas membolehkan syarikat perniagaan mengendalikan urus niaga mereka dengan lebih cekap. Daya saing Labuan IBFC akan terus ditingkatkan menerusi semakan terhadap struktur penentuan harga berkaitan dengan bayaran penubuhan dan penyelenggaraan. Kajian tahunan akan dijalankan dan harga akan disemak sejajar dengan perkembangan pasaran yang kompetitif.

Labuan IBFC juga akan memanfaatkan strategi kebangsaan Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (Malaysia International Islamic Financial Centre, MIFC) dengan mempromosikan amanah dan yayasan yang berlandaskan Syariah. Kesemua produk ini akan melengkapkan produk dan perkhidmatan

kewangan Islam yang sedia ada di Kuala Lumpur. Usaha juga akan diambil untuk terus membangunkan perniagaan insurans kaptif di Labuan susulan prestasi perniagaan ini yang menggalakkan sejak beberapa tahun yang lalu.

Kesimpulan

Penubuhan Labuan sebagai pusat kewangan luar pesisir antarabangsa pada tahun 1990 sesungguhnya merupakan langkah yang wajar pada masa itu. Kami kini sedang menikmati ganjaran daripada inisiatif ini. Dengan transformasi Labuan sebagai Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa, ia akan membawa aspirasi kami melangkah lebih jauh. Identiti baharu ini menandakan bahawa Labuan sudah bersedia untuk memikul peranan yang lebih besar dan meluas. Identiti baharu ini juga melambangkan sebuah komitmen, iaitu komitmen untuk masa hadapan. Untuk membuktikan komitmen ini, Kerajaan dan pengawal selia telah mewujudkan persekitaran yang memudahkan dan menyokong penyediaan persekitaran yang lebih baik dari segi hubungan, dan lebih cekap dari segi kos. Inisiatif yang berterusan juga akan diambil untuk mengatasi sebarang halangan terhadap pewujudan sistem penyampaian yang lebih cekap dan untuk memajukan lagi Labuan IBFC.

Namun, tanggungjawab untuk memastikan aspirasi Labuan IBFC dapat dijadikan kenyataan merupakan tanggungjawab bersama. Masa depan adalah untuk syarikat yang berdaya saing dan cekap dari segi kos. Masa depan juga adalah untuk syarikat yang kreatif dan inovatif dan yang boleh menawarkan cadangan nilai yang tinggi kepada pelanggan mereka. Justeru, usaha untuk mencapai aspirasi ini memerlukan penglibatan industri, golongan profesional dan peserta pasaran. Melalui usaha bersepadu ini, kami yakin bahawa Labuan IBFC bakal menggarap sebuah lagi kisah kejayaan, insya-Allah.

Simposium Kewangan Islam Nikkei 2008
"Kewangan Islam: Perkembangan Berterusan dan Peluang Baru Muncul"
Tokyo, 23 Februari 2008

Ucapan oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Saya amat berbangga dan berbesar hati untuk berada di Tokyo dan berucap di Simposium Kewangan Islam yang dianjurkan oleh NIKKEI. Sesungguhnya ini merupakan forum penting yang menyediakan peluang untuk memupuk pemahaman dan penghayatan yang lebih baik terhadap kewangan Islam dan peranannya yang semakin meningkat dalam sistem kewangan antarabangsa. Kami juga amat berbangga dengan kehadiran dan penyertaan Gabenor Fukui daripada Bank of Japan di simposium ini.

Ucapan saya pada hari ini akan tertumpu pada perkembangan dan peluang yang baru muncul dalam kewangan Islam memandangkan pertumbuhan dan perkembangannya dalam sistem kewangan global terus bertambah kukuh. Pembentangan saya juga akan menyentuh tentang pengalaman kami dalam membangunkan sistem kewangan Islam di Malaysia yang beroperasi seiringan dengan sistem kewangan konvensional dan kini semakin penting pada peringkat antarabangsa.

Perkembangan Kewangan Islam

Kewangan Islam moden pada awalnya dibangunkan sebagai saluran pengantaraan bagi orang Islam untuk mengendalikan aktiviti tabungan dan pelaburan mereka sejajar dengan prinsip Islam. Walau bagaimanapun, seawal lima tahun yang lalu, kewangan Islam telah melalui transformasi yang besar. Perkembangannya yang pesat telah dicerminkan terutamanya dalam lima dimensi pembangunannya.

Pertama, kewangan Islam yang dahulunya tertumpu di rantau yang didiami oleh majoriti orang Islam kini dilihat sebagai satu **bentuk pengantaraan kewangan yang bersaingan** yang telah menarik sejumlah besar penyertaan orang bukan Islam. Bagi peminjam, kewangan Islam dilihat sebagai satu saluran alternatif pembiayaan dan bagi pelabur, ia dilihat sebagai satu kelas aset baharu. Oleh itu, kewangan Islam telah menyaksikan pertumbuhan yang luar biasa, bukan sahaja di dunia Islam yang pertumbuhannya berlandaskan pertimbangan keagamaan dan perniagaan, tetapi juga merentas dunia Barat yang pertumbuhannya didorong oleh pertimbangan komersial dan perniagaan. Pada hari ini, jumlah aset sistem kewangan Islam telah melepasi satu trilion dolar AS, iaitu hampir lima kali ganda saiznya lima tahun yang lalu. Kewangan Islam kini adalah antara segmen kewangan yang berkembang paling pantas di dunia dengan anggaran pertumbuhan tahunan sebanyak 20 peratus.

Kedua, ciri perniagaan kewangan Islam juga telah berkembang daripada hanya tertumpu terutamanya pada pembiayaan runcit dan perdagangan kepada pembiayaan aktiviti perniagaan komersial yang lain. Dengan kemunculan institusi kewangan Islam yang lebih pelbagai dan kemajuan dalam pasaran kewangan Islam, **skop perniagaan kewangan Islam telah berkembang** untuk mencakupi ekuiti swasta, pembiayaan projek, originasi dan terbitan sukuk, dan aktiviti pengurusan dana, aset dan harta. Tahap inovasi produk juga menjadi bertambah pesat dengan penghasilan produk perbankan Islam dan takaful yang lebih canggih sebagaimana yang diperlihatkan oleh kemunculan yang ketara produk berstruktur dan produk berkaitan pelaburan. Produk-produk ini kini lebih bersaingan dari segi struktur produk dan penentuan harga. Pasaran kewangan Islam yang lebih mendalam juga telah menambah daya tarikannya

sebagai suatu kelas aset untuk pelaburan. Perkembangan ini telah menghasilkan satu rangkaian produk dan perkhidmatan kewangan Islam yang meluas, yang ditawarkan kepada pelanggan dan perusahaan perniagaan.

Dimensi ketiga yang telah melalui perkembangan yang pesat ialah **rangka kerja pengawalseliaan dan perundangan** bagi kewangan Islam yang mengambil kira ciri-ciri urus niaga kewangan Islam yang khusus. Ini telah dapat memastikan pertumbuhan dan perkembangan kewangan Islam disertai oleh perkembangan yang sepadan dalam rangka kerja perundangan, pengawalan dan penyeliaan yang menyokong untuk memastikan keutuhan dan kestabilannya. Penubuhan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam pada tahun 2002 juga menandakan satu pencapaian penting dalam pembangunan piawai pengawalseliaan berhemat dan amalan terbaik bagi institusi kewangan Islam. Penubuhannya juga telah menyumbang kepada pengharmonian pembangunan kewangan Islam merentas pelbagai rantau.

Keempat, kewangan Islam pada peringkat antarabangsa telah berkembang lebih pesat untuk menjadi **bahagian sistem kewangan antarabangsa yang semakin penting**, dan bersedia untuk menyumbang ke arah integrasi kewangan global yang lebih meluas. Institusi kewangan Islam kini telah meneroka melangkaui sempadan domestik dan dana yang diperoleh dalam pasaran kewangan Islam di pelbagai rantau yang berbeza telah menarik pelabur daripada pusat-pusat kewangan di serata dunia. Dengan peserta pasaran di serata benua mengambil bahagian dalam pengembangan aliran pelaburan antara rantau, hubungan kewangan antara rantau utama telah dapat dipertingkatkan. Sehingga kini, bilangan institusi kewangan Islam di seluruh dunia telah meningkat kepada lebih daripada 300, merentangi lebih daripada 75 buah negara Islam dan bukan Islam[1]. Peluasan kesalinghubungan dalam kalangan pengantara dan pasaran merentas rantau akan menyumbang kepada pengagihan sumber kewangan merentas sempadan yang lebih cekap, lantas menyumbang kepada peningkatan prospek pertumbuhan global.

Dimensi kelima yang telah menyaksikan perubahan yang ketara ialah **pembangunan modal insan dalam kewangan Islam.** Pembangunan modal insan merupakan pembangunan penting yang telah menjadi kunci utama dalam memastikan bekalan tenaga mahir dan kepakaran yang mencukupi untuk kemajuan dan pembangunan selanjutnya dalam industri perkhidmatan kewangan Islam. Kini terdapat permintaan yang tinggi terhadap ahli profesional berkewibawaan tinggi yang memiliki kedua-dua pengetahuan dan pemahaman tentang Syariah berserta kemahiran yang perlu dalam kewangan[2]. Menyedari hakikat ini, beberapa institusi pengajian tinggi utama kini menawarkan program yang lebih fokus dan berstruktur mengenai kewangan Islam. Penubuhan Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (International Centre for Education in Islamic Finance, INCEIF) di Malaysia pada tahun 2006 merupakan satu pelaburan berstruktur dalam pembangunan modal insan untuk menyokong pembangunan global industri perkhidmatan kewangan Islam. INCEIF dijangka menjadi sebuah badan pensijilan profesional dan juga pusat pendidikan bagi program lepasan ijazah yang khusus dalam kewangan Islam.

Ciri-ciri Khusus Kewangan Islam

Sementara kewangan Islam terus berkembang, ciri-ciri khususnya tetap menjadi asas penting. Kewangan Islam perlu beroperasi selaras dengan peraturan Syariah, yang menjadi sumber kepada ciri-cirinya yang unggul. Injunksi Syariah mengehendaki urus niaga kewangan Islam disokong oleh sesuatu aktiviti ekonomi. Ia mengehendaki urus niaga kewangan diiringi oleh kegiatan berkaitan perdagangan dan perniagaan yang sebenar.

---

1 Sumber: *Islamic Finance News*, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam dan pihak berkuasa negara

2 Trend masa kini adalah mempunyai "pengamal kewangan yang bijak Syariah" dan "Cendekiawan Syariah yang bijak kewangan".

Berasaskan pengaturan ini, urus niaga berasaskan riba ditegah. Islam menggalakkan aktiviti perniagaan dan perdagangan yang menjana keuntungan yang adil dan sah. Lantaran itu, hubungan yang rapat senantiasa wujud antara aliran kewangan dengan aliran produktif dalam kewangan Islam. Prinsip intrinsik ini menyumbang ke arah melindungi sistem kewangan Islam daripada kemungkinan risiko ketahanan kewangan ekoran daripada hutang berlebihan dan aktiviti kewangan bersifat spekulasi.

Prinsip asas kewangan Islam yang selanjutnya ialah ciri perkongsian risiko dan keuntungan dalam urus niaga kewangan Islam. Hal ini akan melibatkan satu pengaturan, iaitu institusi kewangan Islam berkongsi keuntungan dengan pelabur dalam kontrak Mudarabah ataupun kedua-dua pihak sama-sama berkongsi keuntungan dan juga kerugian dalam kontrak Musyarakah. Pengaturan ini melibatkan perkongsian risiko yang sangat jelas oleh institusi kewangan Islam dan pelabur, sekali gus mengehendaki institusi kewangan Islam untuk menguruskan risiko yang berkaitan dengan transaksi tersebut dengan sewajarnya. Usaha wajar yang bersesuaian dan penyepaduan risiko yang berkaitan dengan aktiviti pelaburan dalam urus niaga kewangan juga diperlukan. Oleh yang demikian, aktiviti sebenar diharap dapat menjana keuntungan yang mencukupi untuk menampung risiko yang telah diambil.

Ciri perkongsian keuntungan dan risiko yang ada pada urus niaga kewangan Islam ini menyebabkan perlunya suatu tahap penzahiran dan ketelusan yang tinggi. Ini merupakan rukun asas yang menjadi dasar bagi semua urus niaga kewangan Islam. Terdapat kewajipan yang ketara untuk memenuhi piawai ketelusan yang bersesuaian. Kebertanggungjawapan pihak yang terlibat dalam urus niaga juga diperincikan dengan jelas dalam kontrak. Penzahiran ini turut membolehkan pasaran menetapkan premium risiko yang bersesuaian kepada syarikat tertentu, sekali gus meningkatkan keupayaan disiplin pasaran untuk berfungsi. Ciri-ciri intrinsik ini sebagaimana yang dikehendaki oleh injunksi Syariah menyediakan sekatan dan imbangan yang sedia ada, yang berperanan untuk memastikan kestabilan dalam sistem kewangan Islam.

Pengalaman Malaysia

Izinkan saya mengambil peluang ini untuk berkongsi dengan anda pengalaman Malaysia dalam membangunkan sistem kewangan Islam, dan secara khususnya, pasaran modal Islam. Sepanjang lebih daripada dua dekad, Malaysia telah membangunkan sistem kewangan Islam yang komprehensif yang beroperasi secara selari dengan sistem kewangan konvensional. Sistem kewangan Islam di Malaysia telah berkembang sebagai satu komponen sistem kewangan domestik yang bersaingan, yang mempunyai rangkaian pelbagai peserta perbankan Islam, industri takaful dan pasaran wang serta modal Islam dalam jumlah yang besar. Pendekatan kami adalah dengan memberikan tumpuan pada pembangunan keinstitusian yang diperkukuh oleh rangka kerja Syariah, perundangan dan pengawalseliaan yang teguh di samping pelaburan dalam pembangunan modal insan. Dalam dekad yang lebih terkini ini, perhatian telah ditumpukan pada pembangunan pasaran kewangan, secara khususnya pasaran sukuk, dan juga liberalisasi sistem kewangan Islam.

Kami kini sedang memasuki fasa baharu dalam pembangunan sistem kewangan Islam di Malaysia dengan inisiatif untuk menjadikan Malaysia sebagai hab kewangan Islam Antarabangsa. Inisiatif ini bertujuan mengukuhkan kesalinghubungan ekonomi dan kewangan antarabangsa kami dan seterusnya menggalakkan aktiviti perdagangan dan pelaburan serantau dan antarabangsa yang lebih meluas. Hasil daripada sebahagian langkah liberalisasi yang pelbagai, kami

telah menyaksikan kemasukan kumpulan kewangan Islam asing baharu dalam sistem kewangan kami. Lesen baharu dikeluarkan dan kepentingan asing yang lebih besar dalam institusi kewangan Islam domestik juga telah dibenarkan. Di samping itu, peraturan penyenaraian telah diliberalkan untuk memudahkan penyenaraian asing dan rentas sempadan. Lesen baharu juga dikeluarkan untuk Bank Islam Antarabangsa dan Pengendali Takaful Antarabangsa untuk mengendalikan perniagaan perbankan Islam, takaful, dan takaful semula dalam mata wang antarabangsa.

Kemajuan paling ketara yang telah dicapai adalah dalam pembangunan pasaran sukuk atau bon Islam Malaysia. Pasaran sukuk Malaysia kini merupakan pasaran bon Islam terbesar di dunia dengan lebih daripada 62% (atau USD60 bilion) sukuk terkumpul global diterbitkan di Malaysia. Dengan disokong oleh infrastruktur yang komprehensif termasuk sistem penyelesaian dan maklumat bon, Malaysia memiliki pasaran sukuk utama yang aktif dengan pertumbuhan tahunan purata sebanyak 17% sepanjang tempoh 2001-2006. Malaysia juga memiliki pasaran sekunder yang paling aktif dengan jumlah urus niaga perdagangan sukuk mencatat lebih daripada USD40 bilion setiap tahun.

Pasaran bon Malaysia juga telah diliberalkan untuk membolehkan entiti asing memperoleh dana dalam denominasi ringgit dan mata wang asing daripada pasaran kami. Lantaran itu, penerbit antarabangsa boleh menerbitkan sukuk dalam pelbagai mata wang atau secara alternatifnya mempunyai kefleksibelan untuk menukarkan pendanaan mata wang domestik dalam mata wang lain. Sehingga kini, saya berbesar hati untuk memaklumkan bahawa sebuah syarikat Malaysia baru-baru ini telah menerbitkan terbitan sukuk terbesar di dunia dengan jumlah bersamaan USD4.7 bilion yang menerima lebihan langganan sebanyak dua kali. Sukuk hibrid ini yang mempunyai kedua-dua ciri ekuiti dan hutang merupakan salah satu daripada instrumen inovatif yang diterbitkan dalam pasaran sukuk.

Pembangunan kewangan Islam Malaysia telah menyumbang secara positif kepada sistem kewangan keseluruhan kami dalam beberapa perkara. Ia telah menghasilkan sistem kewangan yang lebih pelbagai yang telah meningkatkan daya tahan keseluruhannya. Kedua, ia telah meningkatkan hubungan antarabangsa kami. Ketiga, ia juga telah menyumbang kepada peningkatan akses kepada kewangan bagi semua sektor ekonomi khususnya dalam aspek pembiayaan perusahaan berskala kecil dan sederhana serta pembiayaan mikro. Seterusnya, kewangan Islam yang diperkukuh oleh sekatan dan imbangan yang sedia ada telah menyumbang ke arah kestabilan kewangan. Akhirnya, kewangan Islam telah menjadi satu bidang pertumbuhan baharu yang amat memberangsangkan dalam menjana pendapatan, kekayaan dan juga pekerjaan.

Peluang dalam Sukuk

Dalam persekitaran semasa yang liberal dan global, kewangan Islam kini berada pada ambang sebuah dimensi baharu dalam usaha pengukuhan **kesalinghubungan** kewangan antara negara dalam ekonomi global. Dengan peluasan skop aktiviti kewangan Islam, pasaran bon Islam atau sukuk telah menjadi saluran penting bagi **aktiviti pemerolehan dana dan pelaburan**. Pasaran sukuk telah mencatat pertumbuhan yang pesat, meningkat pada kadar purata tahunan sebanyak 40 peratus dengan saiz terkini melebihi USD82 bilion. **Potensi besar** pasaran sukuk dalam sistem kewangan antarabangsa sememangnya merupakan kemuncak baharu inovasi dalam kewangan Islam. Ini diperlihatkan oleh penyertaan secara aktif peserta global dalam jumlah yang besar seperti bank pelaburan, bank Islam dan firma sekuriti dalam penerbitan sukuk.

Pasaran Sukuk membawa bersama-samanya manfaat yang besar kepada penerbit dan juga pelabur. Bagi pihak penerbit termasuk agensi kerajaan, syarikat multinasional dan institusi pembangunan multinasional, sukuk memainkan pelbagai peranan dalam memenuhi pelbagai keperluan pendanaan yang berbeza, daripada infrastruktur dan projek pembangunan besar hingga kepada pengembangan modal dan perniagaan. Hal ini secara khususnya penting bagi ekonomi pasaran yang sedang pesat membangun. Timur Tengah dan Asia pada masa ini merupakan dua buah rantau yang paling pesat berkembang dalam ekonomi global dan giat dalam usaha penswastaan dan juga dalam pelaksanaan projek infrastruktur dan pembangunan. Asia sahaja akan membelanjakan anggaran USD1 trilion untuk infrastruktur sepanjang lima tahun yang akan datang[3] , manakala keperluan infrastruktur di Timur Tengah dianggarkan sebanyak USD700 bilion sepanjang tempoh yang sama. Manakala di Malaysia, rancangan Koridor Wilayah Ekonomi Kebangsaan memerlukan anggaran pelaburan sebanyak USD192 bilion (RM620 bilion)[4].

Dari sudut permintaan, penerbit juga mendapat manfaat daripada **penentuan harga sukuk yang kompetitif lagi menarik**, yang merangkumi 10 hingga 20 mata asas lebih rendah daripada bon arus perdana. Ini menyebabkan sukuk sentiasa terlebih langganan antara dua hingga tiga belas kali. Permintaan luar biasa terhadap sukuk diperkukuh oleh lebihan mudah tunai dalam sistem kewangan global. Permintaan ini adalah daripada **kumpulan pelabur yang secara relatifnya lebih besar** yang merangkumi pelabur konvensional dan Islam. Permintaan yang kukuh terhadap sukuk juga dirangsang oleh paras tabungan dan rizab yang lebih tinggi di Asia. Di Jepun misalnya, selain kadar tabungan yang tinggi, negara ini turut memiliki peratusan terbesar taburan kekayaan individu dengan aset kewangan dengan nilai bersih yang tinggi (*high net worth individuals*) di Asia Pasifik.

Dari perspektif pelabur pula, selain nilai intrinsik sukuk yang sebahagian besarnya **bersandarkan aset**, boleh diubah kepada saham dan boleh ditukarkan dengan saham, ini merupakan sebahagian **manfaat daripada pempelbagaian.** Sukuk kini pantas menjadi sebuah **kelas aset baharu.** Selain itu, sukuk juga telah menjana **pulangan pelaburan yang lumayan** kepada pelabur berikutan harganya yang lebih tinggi dalam pasaran sekunder kerana keutamaan "beli dan pegang" oleh pelabur dan kekurangan (*scarcity*) sukuk itu sendiri.

Peluang dalam Takaful

Peluang lain dalam kewangan Islam wujud dalam takaful atau insurans Islam dan takaful semula. Pasaran takaful global khususnya, telah melalui pembangunan positif pada peringkat antarabangsa. Bermula dengan hanya sebuah syarikat takaful di Sudan lebih dua puluh tahun yang lalu, industri takaful kini semakin berkembang dengan penubuhan lebih 50 syarikat takaful di seluruh dunia dengan jumlah caruman dianggarkan kira-kira USD3 bilion pada tahun 2005. Industri takaful dijangka meningkat sekitar 20% setahun untuk mencapai caruman tahunan global sebanyak USD7.4 bilion dalam masa sepuluh tahun yang akan datang[5]. Seperkara yang menggalakkan ialah pertambahan jumlah syarikat takaful[6] semula selaras dengan peningkatan jumlah syarikat takaful. Bagi melengkapkan pertumbuhan dan kemajuan industri takaful, **pengendali takaful semula yang kukuh dan berwibawa** diperlukan di seluruh dunia.

Izinkan saya menyentuh tentang potensi penyertaan Jepun dalam kewangan Islam. Kami sememangnya mengalu-alukan penyertaan institusi kewangan, pihak berkuasa

---

3 Sumber: GCC Research, Kuwait Finance House.

4 Jumlah anggaran pelaburan bagi Koridor Ekonomi Wilayah Barat (RM112 bilion), Koridor Ekonomi Wilayah Utara (RM100 bilion), Wilayah Pembangunan Iskandar (RM382 bilion) dan Koridor Pembangunan Sabah (RM25.8 bilion).

5 Berdasarkan unjuran Institute of Islamic Finance dan *Insurance & Investor Offshore Review*, Februari 2006.

6 Sehingga kini, terdapat lebih daripada 10 buah syarikat takaful semula yang menyediakan takaful semula untuk perniagaan takaful keluarga dan takaful am.

dan juga syarikat Jepun dalam kewangan Islam khususnya dalam pasaran modal Islam. Jepun, untuk beberapa dekad kini telah memainkan peranan ekonomi yang penting di rantau Asia dari segi perdagangan dan pelaburan. Pelaburan Jepun di rantau ini dianggarkan berjumlah USD45 bilion sepanjang tempoh tahun 2004-2006.Jepun juga mengekalkan kedudukannya sebagai antara lima negara pelabur utama di Malaysia, dengan bahagian pelaburan sebanyak 25.7% daripada pelaburan keseluruhan pada tempoh tahun 2000 -2006[7]. Pada tahun 2006 sahaja, pelaburan langsung asing Jepun ke Malaysia berjumlah USD6.1 bilion[8]. Selain itu, Jepun terus kekal sebagai rakan perdagangan Malaysia yang penting.

Meskipun hubungan ekonomi Jepun dalam pelaburan dan perdagangan di rantau ini sudah mantap, masih terdapat potensi yang besar untuk mengukuhkan lagi hubungan kewangan pada masa hadapan. Terdapat potensi untuk mengembangkan pelaburan langsung dan perdagangan dalam barangan bagi meningkatkan hubungan kewangan. Kewangan Islam merupakan wahana yang boleh memperdalam hubungan kewangan kita dan proses integrasi kewangan serantau. Peningkatan hubungan baharu dalam hubungan ini dan juga prospek integrasi yang lebih besar bakal menyumbang ke arah pembukaan peluang ekonomi bagi kemakmuran bersama rantau ini.

Untuk meningkatkan hubungan dalam bidang kewangan Islam, satu memorandum persefahaman antara Bank Negara Malaysia dengan Japan Bank for International Corporation telah dimeterai pada tahun 2007. Kerjasama strategik antara sebuah kumpulan insurans Jepun yang terbesar di dunia dengan sebuah syarikat insurans tempatan di Malaysia juga telah dijalinkan yang membawa kepada penubuhan sebuah syarikat takaful. Usaha juga boleh ditumpukan pada pemudahan penyenaraian silang sukuk dalam pelbagai negara. Malah, Jepun juga boleh menjadikan Malaysia sebagai platform untuk inovasi dan penyelidikan dalam kewangan Islam. Terdapat pelbagai institusi, termasuk institut penyelidikan dan latihan milik industri dalam kewangan Islam, Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (IBFIM), INCEIF dan universiti yang telah menjalankan penyelidikan dalam kewangan Islam. Justeru, penyertaan Jepun dalam pasaran kewangan Islam diharap dapat menyumbang ke arah integrasi kewangan antarabangsa selanjutnya dan dengan itu menghasilkan pengagihan sumber merentas sempadan yang lebih cekap.

Kesimpulan

Peningkatan kesedaran dan penghayatan tentang kekuatan kewangan Islam yang sedia ada dan potensinya yang besar terhadap kemajuan telah mencetuskan minat dalam kalangan masyarakat kewangan global untuk meneroka bidang kewangan baharu ini. Mengambil peluang daripada peranan kewangan Islam yang semakin meningkat dalam menyatukan bahagian dunia yang berbeza yang mempunyai dana lebihan dan sedang mencari peluang pelaburan, dengan bahagian dunia yang memerlukan pembiayaan, sesungguhnya akan mencerahkan lagi prospek saling memperkukuh ini. Lantaran itu, kami mengalu-alukan penyertaan Jepun dalam evolusi kewangan yang baharu ini.

---

7 *United Nations Conference on Trade & Development's (UNCTAD) World Investment Report, 2007*.

8 Sumber: JETRO daripada Kementerian Kewangan, Perangkaan Imbangan Pembayaran dan kadar pertukaran asing Bank of Japan.

Persidangan Sumber Manusia dalam Perbankan Kesembilan 2008
Anjuran Institut Perbankan dan Kewangan India
"Pembinaan Modal Insan untuk Menghadapi Cabaran yang Baru Muncul"
Kuala Lumpur, 29 Februari 2008

Ucapan oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Terlebih dahulu izinkan saya merakamkan ucapan selamat datang kepada peserta Persidangan Sumber Manusia dalam Perbankan Kesembilan yang dianjurkan oleh Institut Perbankan dan Kewangan India (Indian Institute of Banking and Finance, IIBF). Sesungguhnya ini merupakan satu penghormatan kepada Pusat Kepimpinan Kewangan Antarabangsa (International Centre for Leadership in Finance, ICLIF) kerana menjadi tuan rumah kepada persidangan ini yang julung kalinya diadakan di luar India. Ini merupakan salah satu hasil yang nyata daripada kerjasama yang telah dijalin antara IIBF dengan ICLIF susulan daripada memorandum persefahaman yang telah dimeterai hampir tiga bulan yang lalu antara kedua-dua organisasi.

Pembangunan modal insan perlu menjadi usaha berterusan dalam persekitaran yang senantiasa berubah. Seawal sepuluh tahun yang lalu, kita telah menyaksikan perubahan yang dramatik dalam persekitaran ekonomi dan kewangan. Ini telah menuntut perubahan yang seiring dalam pengetahuan, kemahiran, kompetensi dan keupayaan yang kini diperlukan, terutamanya oleh industri perbankan, yang merupakan sebuah industri intensif pengetahuan dan berasaskan kemahiran yang tinggi.

Cabaran baharu juga telah muncul dalam persekitaran ini ekoran daripada globalisasi dan pengantarabangsaan sistem kewangan yang pesat dan kemajuan yang besar dalam bidang teknologi manakala perkembangan ini telah menghasilkan inovasi yang pesat dan peningkatan dalam kesalingbergantungan dan kesalinghubungan di peringkat antarabangsa, ia juga telah mewujudkan suatu persekitaran yang semakin kompleks, kompetitif, tidak menentu dan mencabar. Episod kemelut kewangan terkini telah menunjukkan bahawa sistem kewangan dalam ekonomi negara maju turut mudah terjejas akibat tekanan kewangan.

Persekitaran yang lebih sukar ini memerlukan kemahiran baharu dan keupayaan untuk menguruskan cabaran baharu ini. Peranan kepemimpinan sememangnya telah berubah. Keperluan terhadap tenaga mahir adalah penting, bukan sahaja yang berupaya untuk melihat peluang yang baru muncul, tetapi juga mampu menghadapi tahap luar jangkaan yang tinggi di samping mengharungi suasana kegawatan. Para pemimpin industri perlu memiliki wawasan dan memahami trend masa hadapan, merangka hala tuju strategik dan menyesuaikan diri dengan perubahan untuk kekal bersaingan dan relevan. Pemimpin yang berkesan pada hari ini ialah mereka yang terus belajar, yang berusaha gigih untuk kecemerlangan, yang memiliki keyakinan yang utuh, dan dalam pada itu, memiliki kerendahan hati untuk mengakui keperluan untuk mempertingkatkan keupayaan diri mereka dan memberikan inspirasi kepada organisasi untuk membuat penyesuaian dalam persekitaran baharu. Ciri-ciri sedemikian penting sekiranya sektor perkhidmatan kewangan hendak terus maju dan kekal di barisan hadapan sebagai peneraju inovasi baharu serta sekali gus memperoleh daya saing jangka panjang. Dalam proses ini, perlu ada wahana bagi pembelajaran berterusan

dan penubuhan ICLIF merupakan sebahagian daripada komitmen kami untuk meningkatkan keupayaan kepemimpinan dan membangunkan pemimpin bertaraf dunia dalam sektor perkhidmatan kewangan.

Tatabentuk ekonomi global dan pasaran kewangan yang berubah-ubah, peningkatan integrasi ekonomi dan kewangan serantau, peningkatan pengantarabangsaan perkhidmatan kewangan, penambahbaikan berterusan terhadap struktur dan pendekatan pengawalseliaan akan mempunyai kesan yang besar terhadap masa hadapan industri perkhidmatan kewangan. Oleh itu, cabaran yang menanti kita besar kemungkinan akan amat berbeza berbanding dengan cabaran yang pernah kita lalui dahulu. Justeru, pelaburan dalam pembangunan modal insan penting untuk pembangunan dan pertumbuhan masa hadapan dalam sektor perkhidmatan kewangan.

Pembinaan modal insan semakin diberikan penekanan dalam dunia hari ini. Institusi perbankan yang berjaya pada masa hadapan akan makin bergantung pada aset tenaga mahir. Apabila persaingan menjadi sengit, keperluan institusi perbankan untuk menarik serta mengekalkan kemahiran dan tenaga mahir terbaik akan menjadi lebih mendesak. Melangkah ke hadapan, ketersediaan tenaga mahir akan menjadi faktor penting yang menentukan keupayaan industri untuk membuat pembaharuan dan transformasi. Institusi perbankan akan memerlukan ahli profesional yang memiliki keperluan kemahiran dan kepakaran bukan sahaja pada peringkat strategik dan pengurusan, malah juga pada peringkat teknikal dan operasi. Institusi yang berjaya ialah institusi yang memberikan keutamaan yang tinggi terhadap penambahbaikan berterusan dalam modal insan.

Justeru, pembangunan modal insan telah menjadi kepentingan strategik dan suatu keperluan bagi kejayaan sesebuah organisasi. Penglibatan pegawai kanan dalam pengurusan pembangunan modal insan juga penting dan mereka perlu menerajui kepimpinan dan memperuntukkan lebih masa bagi inisiatif ini. Fungsi pembangunan sumber manusia penting bagi proses pengurusan tenaga mahir dan juga dalam menyokong strategi pengurusan modal insan. Tidak kurang pentingnya, semua ini perlu mengambil tempat pada setiap peringkat dalam organisasi. Pada dasarnya, kebertanggungjawapan bagi pembangunan tenaga mahir memerlukan usaha secara bersepadu pada seluruh peringkat organisasi dan perlu dijadikan sebagai sebahagian daripada budaya kerja yang perlu disampaikan, dikongsi dan difahami pada semua peringkat.

Sementara keperluan terhadap pembangunan modal insan adalah jelas, apa yang kurang nyata ialah kaedah dan dasar yang sesuai yang perlu diambil untuk memajukan pembangunan modal insan. Industri perkhidmatan kewangan perlu mengenal pasti hala tuju strategik yang bersesuaian untuk pembangunan modal insan. Perhatian perlu diberikan pada peringkat kemasukan, peringkat pakar dan juga peringkat pengurusan kanan. Ini akan meraih manfaat daripada hubungan yang lebih kukuh industri-universiti yang merupakan saluran utama bagi mengurangkan jurang dan memenuhi keperluan tenaga mahir. Penglibatan industri dalam reka bentuk dan penyampaian kurikulum akan memastikan graduan dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran yang bersesuaian untuk memenuhi keperluan industri. Penyertaan peserta industri mungkin dalam bentuk reformasi kurikulum akademik dan metodologi serta dalam menyediakan bentuk sokongan lain yang sesuai kepada institusi pengajian tinggi. Ini akan menyumbang secara langsung ke arah memenuhi keperluan modal insan bagi masa hadapan.

Kualiti modal insan merupakan daya saing yang amat penting. Memiliki kakitangan yang kompeten untuk menyampaikan produk dan perkhidmatan yang berkualiti tinggi penting untuk membina keyakinan dan hubungan baik pelanggan, memacu kepuasan pelanggan, meningkatkan reputasi dan akhirnya merealisasikan wawasan korporat dan matlamat strategik institusi masing-masing. Justeru,

amat penting bagi institusi perbankan untuk terus mengukuhkan kompetensi dan profesionalisme kakitangan dalam industri. Dalam konteks ini, institusi perbankan boleh mengambil langkah "membeli tenaga mahir" daripada pasaran. Walau bagaimanapun, ini mungkin membawa risiko dalam bentuk ganjaran tinggi yang tidak setimpal dengan nilai ditambah. Sesungguhnya pilihan yang lebih baik ialah membina, membangunkan dan mengekalkan sekumpulan sumber tenaga mahir dalam syarikat itu sendiri.

Izinkan saya untuk menyorot pengalaman Malaysia dalam pembangunan modal insan untuk industri perkhidmatan kewangan. Di Malaysia, pendekatan yang tersusun dan komprehensif terhadap pembangunan modal insan merupakan bahagian penting daripada usaha kami bagi pembangunan dan kemajuan industri. Program yang dilaksanakan oleh ICLIF, yang kini telah beroperasi untuk tahun keenam, menyediakan program dalam pembangunan kepemimpinan bagi peringkat pengurusan kanan dalam industri perkhidmatan kewangan. Program yang dijalankan oleh Institut Bank-Bank Malaysia, iaitu sayap latihan industri perbankan juga telah dikaji semula baru-baru ini untuk memenuhi permintaan baharu sektor kewangan. Di samping itu, dialog antara industri dengan penyedia pendidikan lain termasuk institusi pengajian tinggi telah dilaksanakan untuk menggalakkan bekalan tenaga mahir yang terlatih secukupnya. Pada bulan September 2007, Bank Negara Malaysia memulakan Program Peningkatan Tenaga Mahir dalam Sektor Kewangan (Financial Sector Talent Enrichment Programme, FSTEP) untuk melatih dan menyediakan 1000 graduan yang mempunyai kelayakan yang tinggi untuk penempatan segera di institusi perbankan dan insurans. Usaha ini diambil menerusi kerjasama dengan industri dan institusi latihan dan bertujuan meningkatkan bekalan kakitangan yang cukup terlatih serta kompeten untuk industri perkhidmatan kewangan.

Dalam bidang kewangan Islam, pengembangan di peringkat antarabangsa yang berterusan telah meningkatkan permintaan terhadap tenaga mahir dan kepakaran dalam industri. Penubuhan Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF) di Malaysia pada tahun 2006 merupakan suatu usaha dalam pembangunan global modal insan untuk menyokong pembangunan industri perkhidmatan kewangan Islam. Program tersebut adalah khusus untuk pengamal dan pelajar siswazah. Di samping itu, INCEIF dijangka menjadi sebuah badan pensijilan profesional dan juga pusat pendidikan bagi program lepasan ijazah dalam kewangan Islam.

Dengan komitmen yang jitu untuk membina modal insan, cabaran yang dihadapi adalah untuk merangka strategi yang bersesuaian dan menggembleng sumber yang perlu bagi menghasilkan keputusan yang akan meningkatkan modal intelek industri. Hal ini memerlukan gabungan usaha strategi dalaman institusi perbankan, yang melibatkan pendekatan holistik yang menyelaraskan strategi bagi pengurusan dan pembangunan sumber manusia dan diperkukuh oleh strategi pembangunan organisasi. Ini juga akan melibatkan pewujudan proses dan struktur yang bersesuaian. Penyelesaian yang menyeluruh akan diperlukan. Usaha ini juga perlu disokong oleh penyedia pendidikan. Akhirnya, inisiatif kerjasama dua hala dalam isu membangunkan tenaga mahir dalam industri juga akan memperoleh keuntungan daripada sinergi dan akan menyumbang kepada pengukuhan keupayaan untuk memajukan agenda pembangunan modal insan dalam industri perkhidmatan kewangan.

KALENDAR PERISTIWA
Januari – Mac 2008

15 Januari 2008

Pada Seminar Kewangan Islam di Hong Kong, Gabenor menyampaikan ucaptamanya yang bertajuk "Ke Arah Meraih Potensi Pertumbuhan Global Kewangan Islam". Beliau menyatakan bahawa kerjasama strategik antara peserta kewangan Islam akan membantu merealisasikan potensi industri tersebut pada peringkat global berikutan bertambahnya minat terhadap kewangan Islam oleh beberapa pusat kewangan, termasuk Hong Kong. Beliau menambah, langkah ini akan menjadikan sistem kewangan Islam antarabangsa lebih bersepadu dan boleh mendapat manfaat daripada pasaran penduduk Islam dan bukan Islam yang sangat besar. Beliau juga menyatakan bahawa institusi kewangan konvensional juga boleh berganding bahu dengan institusi kewangan Islam untuk menerbitkan sukuk atau bon Islam atau menstrukturkan produk Islam lain yang berlandaskan Syariah. Beliau juga berpandangan bahawa pembentukan Asian Sukuk Fund sebagai lanjutan bagi Asian Bond Fund boleh dikaji dengan lebih lanjut.

28 Januari 2008

Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan International Business and Financial Centre, Labuan IBFC) telah menjalani proses penjenamaan semula. Identiti baharunya telah dilancarkan untuk meningkatkan lagi kesedaran dan memberikan pusat itu peranan yang lebih besar selain memperluas jangkauan perkhidmatan kewangannya sehingga merangkumi perniagaan antarabangsa. Labuan IBFC juga akan menggiatkan usahanya untuk menarik lebih banyak peserta, termasuk syarikat multinasional, dengan meningkatkan daya saingnya, terutamanya dari aspek struktur cukai dan perundangan. Labuan IBFC sebelum ini dikenali sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan.

29 Januari 2008

Dalam mesyuarat pertamanya bagi tahun 2008, Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) Bank Negara Malaysia memutuskan untuk mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada 3.50%. MPC menyatakan bahawa ekonomi Malaysia telah menunjukkan prestasi yang menggalakkan pada tahun 2007 dan terus mengekalkan momentum pertumbuhan yang mapan. MPC turut menyatakan bahawa pendirian dasar monetari pada masa hadapan akan bergantung pada maklumat baharu dan penilaian Bank Negara Malaysia mengenai implikasinya terhadap prospek jangka sederhana bagi kestabilan harga dan pertumbuhan ekonomi. Dalam mesyuarat berikutnya pada 25 Februari, MPC mengekalkan OPR pada 3.50%, dengan menegaskan bahawa penilaian mengenai imbangan risiko terhadap pertumbuhan ekonomi dan inflasi tidak memerlukan perubahan kepada pendirian dasar monetari.

Pada hari yang sama, Bank Negara Malaysia mengumumkan pelaksanaan Program Meningkatkan Tenaga Mahir dalam Sektor Kewangan (Financial Sector Talent Enrichment Programme, FSTEP). Inisiatif FSTEP merupakan program perintis yang dibangunkan oleh Bank Negara Malaysia melalui kerjasama rapat dengan industri perkhidmatan kewangan yang bertujuan membantu memenuhi

keperluan modal insan industri perkhidmatan kewangan Malaysia. Kumpulan pertama program ini terdiri daripada 297 calon yang dipilih daripada kira-kira 2,900 pemohon. Peserta yang menamatkan program latihan perkhidmatan kewangan dengan jayanya akan diserapkan ke dalam perkhidmatan sektor kewangan.

4 Februari 2008

Bank Negara Malaysia menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Kementerian Kewangan Brunei Darussalam di Bandar Seri Begawan berhubung dengan pertukaran maklumat dan pembinaan keupayaan untuk membanteras pengubahan wang haram dan pembiayaan kegiatan keganasan. MoU ini dimeterai sejajar dengan usaha Bank Negara Malaysia untuk menjalin pakatan dan kerjasama dengan institusi asing bagi membanteras pengubahan wang haram dan pembiayaan kegiatan keganasan.

12 Februari 2008

Bank Negara Malaysia mengumumkan terbitan Bon Simpanan Merdeka 2008 bernilai RM2 bilion pada 1 April 2008. Bon tanpa skrip berlandaskan Syariah yang memberikan pulangan bebas cukai 5% setahun, merupakan instrumen simpanan tambahan yang ditawarkan kepada warga emas Malaysia berusia 55 tahun dan ke atas, yang tidak mempunyai pekerjaan sepenuh masa.

23 Februari 2008

Dalam ucaptama Gabenor di Simposium Kewangan Islam Nikkei di Tokyo, beliau menyentuh mengenai evolusi dan peluang baharu dalam kewangan Islam bagi komuniti kewangan global serta pengalaman Malaysia dalam pembangunan sistem kewangan Islam. Gabenor menyatakan bahawa pembangunan kewangan Islam di Malaysia telah mewujudkan sistem kewangan yang lebih pelbagai lantas meningkatkan daya tahan keseluruhannya. Menurut beliau, kewangan Islam dengan sekatan dan imbangan yang sedia ada mampu menyumbang kepada kestabilan kewangan, dan juga menjadi bidang pertumbuhan baharu yang amat memberangsangkan bagi menjana pendapatan, kekayaan dan peluang pekerjaan. Beliau turut menerangkan mengenai manfaat besar yang ada sekiranya kerjasama antara Malaysia dengan Jepun dalam kewangan Islam dapat ditingkatkan selain peluang-peluang besar bagi syarikat, penerbit dan pelabur Jepun dalam kewangan Islam, iaitu yang berkaitan dengan perniagaan Sukuk dan Takaful.

26 Mac 2008

Bank Negara Malaysia mengeluarkan Laporan Tahunan 2007 dan juga Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2007. Gabenor memaklumkan bahawa pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun 2007 terus kukuh meskipun persekitaran luar negeri lebih lemah. Permintaan dalam negeri yang teguh telah dipacu oleh aktiviti perbelanjaan penggunaan dan pelaburan swasta yang kukuh yang meningkatkan pertumbuhan KDNK benar kepada 6.3%. Ini diperteguh lagi oleh peningkatan perbelanjaan sektor awam. Beliau menambah bahawa pertumbuhan adalah menyeluruh, mencerminkan pengembangan kesemua sektor dalam ekonomi, dengan diterajui oleh sektor perkhidmatan. Beliau juga menyatakan bahawa sistem kewangan terus berdaya tahan dan mempunyai permodalan yang kukuh pada tahun 2007, walaupun menghadapi persekitaran luaran yang mencabar ekoran kelembapan ekonomi AS, tekanan inflasi global yang bertambah dan pasaran kewangan yang tidak menentu. Pada tahun 2008, ekonomi Malaysia dijangka terus menggalakkan berdasarkan asas-asas negara yang kukuh. Justeru, KDNK diunjurkan berkembang 5-6%, dengan didorong oleh permintaan dalam negeri. Inflasi dijangka berada dalam lingkungan 2.5 hingga 3.0%, dengan risiko kenaikan inflasi masih ketara akibat tekanan harga dari luar negeri. Gabenor turut menyatakan bahawa dari segi sistem kewangan, tumpuan pada tahun 2008 adalah pada pengawasan yang berkesan, pembangunan institusi dan juga infrastruktur pasaran kewangan.

Pada hari yang sama, Bank Negara Malaysia mengumumkan penubuhan Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa dalam Kewangan Islam (International Shariah Research Academy for Islamic Finance, ISRA). Penubuhan ISRA akan menggalakkan aktiviti penyelidikan dalam bidang Syariah dan kewangan Islam. ISRA juga berperanan sebagai pusat pengumpulan fatwa selain menjalankan kajian berhubung dengan isu-isu semasa dalam industri kewangan Islam. ISRA akan menyumbang ke arah memperkasa pembangunan modal insan dalam bidang Syariah dan menyediakan platform bagi kerjasama yang lebih erat antara pengamal industri, cendekiawan Syariah, pengawal selia serta ahli akademik melalui penyelidikan dan dialog, di dalam negeri dan juga pada peringkat antarabangsa. Melalui penyelidikan dan dialog yang lebih giat, persefahaman dan pengiktirafan bersama dijangka dapat berkembang dalam komuniti industri kewangan Islam global.